



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Dato Wong Seng Chow [Ruangan 349]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli baru [Ruangan 349]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 349]

USUL-USUL:

Memilih Timbalan Yang di-Pertua [Ruangan 379]

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 380]**

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 380]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

- (b) jika ya, negeri manakah yang belum ada sekolah menengah tersebut; dan
- (c) sama ada Kerajaan Pusat akan mengadakan sekolah menengah agama di negeri yang belum ada sekolah tersebut.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, semua negeri-negeri dalam Malaysia mempunyai sekolah-sekolah menengah agama sama ada sekolah itu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang dibantu penuh oleh pihak berkuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri atau Sekolah Menengah Kerajaan Negeri atau Sekolah Menengah Agama Rakyat (persendirian) yang diberi bantuan kewangan oleh Kementerian Pelajaran. Sekolah-sekolah Menengah Agama di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran ialah seperti berikut:

- (a) 2 buah di Perlis
- (b) 3 buah di Pulau Pinang dan Seberang Perai
- (c) 1 buah di Selangor
- (d) 1 buah di Negeri Sembilan
- (e) 2 buah di Melaka
- (f) 1 buah di Johor
- (g) 1 buah di Terengganu
- (h) 2 buah di Kelantan
- (i) 1 buah di Sarawak
- (j) 1 buah di Sabah
- (k) 1 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Wilayah Persekutuan.

Kementerian Pelajaran merancang akan membina sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bagi tiap-tiap buah negeri berikut dalam Rancangan Keempat.

- (a) Kedah
- (b) Perak
- (c) Selangor
- (d) Wilayah Persekutuan
- (e) Negeri Sembilan
- (f) Johor
- (g) Pahang

- (h) Trengganu
- (i) Sabah; dan
- (j) Sarawak.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan di Wilayah Persekutuan telah ada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, saya tahu buat masa ini duduknya bukan di Wilayah Persekutuan tetapi menumpang di Petaling Jaya iaitu di Kolej Islam. Kolej Islam ini kalau tak silap saya akan digunakan pula untuk Universiti Islam Antarabangsa yang akan diwujudkan buat sementara waktu tahun hadapan. Di sini saya ingin bertanya bilakah pihak Kementerian Pelajaran akan mendirikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Wilayah Persekutuan sendiri, bukan menumpang seperti sekarang?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bangunan tetap Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Wilayah Persekutuan. Tetapi sistem persekolahan itu telahpun dimulakan, memang kita memulakan pada peringkat sekarang bersama-sama dengan pelajar-pelajar di Kolej Islam, Kelang. Bagi persediaan tahun hadapan memang benar bahawa kita terpaksa menyediakan satu tempat bangunan sementara di Petaling Jaya bersama-sama di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu di kawasan Maktab Perguruan Islam sekarang. Yang sebenarnya kawasan itu mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama yang di depan akan diduduki untuk sementara juga oleh Universiti Islam Antarabangsa, tetapi kita mempunyai satu bahagian di belakang yang mempunyai bangunan-bangunan yang kita sedang membuat renovasi sekarang dan hampir siap, di situ kita akan menempatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Wilayah Persekutuan. Dalam pada itu kita sekarang sedang membuat perkiraan untuk mendirikan bangunan tetap Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dalam hal ini mungkin juga masa diperlukan oleh kerana maklum sahajalah, di dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini agak sukar

kita memperoleh atau memiliki satu kawasan yang luas, tidak seperti di negeri-negeri yang lain, umpamanya, diperlukan di sekitar 50 ekar. Saya sendiri tahu bahawa kalau kita hendak mencari satu kawasan 50 ekar di Wilayah Persekutuan itu memang sukar. Jadi terpaksa kita membuat beberapa pengubahsuaian, umpamanya, mungkin juga bentuk bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama itu perlu disesuaikan dengan kawasan yang lebih kecil dan tidaklah merupakan bentuk sekolah bersamaan penuh sekolah menengah ugama di negeri-negeri lain.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pertama sekali saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan (b).

Sepanjang yang saya tahu Kedah dan Pahang tidak mendirikan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, tetapi Yang Berhormat Menteri bercadang akan membuka dalam Rancangan Malaysia Keempat sekolah ini dalam tiap-tiap negeri. Adakah Yang Berhormat boleh menerangkan di Dewan ini setelah ada persetujuan di antara Kerajaan Kedah dan Kerajaan Pahang bagi menerima cadangan Yang Berhormat supaya diadakan Sekolah Menengah Ugama dalam Rancangan Malaysia Keempat? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa kita mencadang untuk mendirikan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama di tiap-tiap negeri dan di beberapa negeri apa yang kita namakan Sekolah Menengah Ugama Kementerian telahpun kita dirikan ataupun kita mengambilalih sekolah-sekolah yang telah diserahkan kepada Kementerian.

Saya memang sedar bahawa Ahli Yang Berhormat adalah ahli Majlis Ugama Negeri Pahang di mana pihak Kementerian perlu membuat perundingan dahulu sebelum dapat membangunkan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama. Saya mengatakan cadangan dan ini sudah tentu akan diekori dengan pihak Kementerian sendiri mendatangkan sembah kepada Pengerusi Majlis Ugama, barangkali di negeri-negeri macam di negeri Pahang untuk mendapat izin

supaya kita boleh membangunkan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Ugama tadi, dalam negeri-negeri lain yang sebenarnya kita telahpun mendapat keizinan untuk meneruskan projek Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama Kementerian.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di negeri Melaka dua buah Sekolah Menengah yang telah diambilalih oleh Kementerian Pelajaran untuk ditadbir oleh Kementerian Pelajaran, ada sebuah lagi Sekolah Menengah yang sekarang ditadbir oleh Lembaga Pendidikan Islam atau yang saya sebut dahulu LAPIS. Jadi adakah Kementerian bercadang supaya Sekolah Menengah Ugama Rakyat Al-Karim di Tanjong Bidara, sebuah itu Kementerian akan mengambilalih ataupun kalau tidak tahun hadapan bilakah masanya Kementerian akan mengambilalih Sekolah Menengah Ugama itu?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, memang Kementerian sedar bahawa banyak negeri-negeri ingin menyerahkan banyak juga antara Sekolah-sekolah Ugama mereka untuk ditadbirkan oleh Kementerian. Dalam kes Melaka ini memang syor untuk diambilalih ini telah dikemukakan kepada pihak Kementerian dan saya ingin menjawabkan bahawa kita sedang mengkaji hal ini.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA 1982—KEPUTUSAN

4. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan-keputusan Peperiksaan Nilai Darjah Lima 1982 (1982 Standard V Assessment Examination) mengikut bahasa pengantar dan juga keputusan setiap mata pelajaran yang diuji dan sama ada keputusan-keputusan peperiksaan nilai telah diperbaiki pada tahun yang lalu. Jika tidak, mengapa tindakan yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah V 1982 adalah seperti yang ada di dalam rekod saya ini terlalu panjang kalau

hendak dibacakan, dan saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dijawab secara bertulis, berikutan dengan itu saya hendak mengatakan:

Dibandingkan dengan keputusan tahun 1981, bagi aliran Bahasa Malaysia pencapaian tahun ini tidak jauh berbeza daripada tahun lalu khususnya dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Sejarah/Ilmu Alam. Bagi matapelajaran Matematik dan Sains Awalan peratus murid yang mendapat gred A, B dan C telah meningkat masing-masing sebanyak 2.8% dan 6.4% tetapi turun 5.5% bagi matapelajaran Bahasa Inggeris II.

Bagi aliran Bahasa Cina peratus murid yang mencapai gred A, B dan C dalam satu-satu matapelajaran adalah hampir sama dengan pencapaian tahun 1981, melainkan bagi matapelajaran Sejarah/Ilmu Alam yang meningkat 2.5% dan Bahasa Malaysia turun 4.4%.

Dalam aliran Tamil peningkatan murid yang mendapat gred A, B dan C amat menggalakkan terutama bagi matapelajaran Matematik, Sains Awalan dan Tamil, masing-masing meningkat 3.2%, 4.7% dan 6.7%. Pencapaian dalam Sejarah/Ilmu Alam telah turun 10.5% dan Bahasa Inggeris I turun 4.7%.

Pada keseluruhannya pencapaian sekolah-sekolah dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima ini adalah menggalakkan terutamanya dalam bidang Matematik dan Sains Awalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sesuai dengan kehendak tujuan ujian penilaian ini, apabila keputusan peperiksaan diterima sekolah-sekolah akan dapat mengesan kumpulan murid yang memerlukan perhatian khas dalam satu-satu matapelajaran untuk diambil tindakan pemulihan, iaitu mereka yang hanya mencapai gred D dan E dalam satu-satu mata pelajaran itu. Tindakan pemulihan ini perlu dijalankan dalam Darjah VI sebelum murid-murid memasuki sekolah menengah.

Sebagai satu langkah positif dan besar dalam perkembangan sistem pendidikan di negara ini, Kerajaan telahpun melancarkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah untuk memperbaiki dan

meningkatkan lagi pembelajaran di sekolah dan ini sudah barang tentu akan dapat memperbaiki lagi prestasi pencapaian murid-murid keseluruhannya lebih-lebih lagi memandangkan bahawa bidang pemulihan akan merupakan satu feature utama dalam rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Matlamat memperbaiki taraf pelajaran di sekolah rendah diharap akan lebih terjamin dengan perlaksanaan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah dari darjah I hingga VI dan jika ini telah terlaksana maka peperiksaan Penilaian Darjah V diperlukan lagi sepertimana yang telah diperakukan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran.

Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan keputusan Penilaian Darjah 5 di sekolah-sekolah ini, saya ingin bertanya pihak Kementerian kenapa proses penyaluran bagi murid-murid yang mendapat 5A ini ke Sekolah-sekolah Menengah Berasrama Penuh dan sebagainya sebagaimana yang telah berlaku pada tahun-tahun yang lalu begitu memakan masa yang sangat lama, sehingga ibubapa yang telah kita bawa ke Kementerian ini berjumpa dengan pegawai-pegawai yang berkenaan kadang-kadang tidak lagi dapat berhubung dengan pegawai-pegawai itu kerana terlalu ramai ibubapa yang datang, tetapi pada suatu hari ibubapa ini terkejut mendapati notis dicerminkan yang menyatakan iaitu kemasukan ke sekolah-sekolah asrama penuh sekian-sekian bagi Tingkatan I pada tahun hadapan adalah mengikut proses begini, begini, begini, komputer dan sebagainya, akan diketahui 30hb Disember bermakna 2 atau 3 hari lagi penggal sekolah tahun pertama itu akan dibuka. Jadi ada juga ibubapa yang bersungut, Tuan Yang di-Pertua, adakah komputer ini mempercepatkan proses pentadbiran kita ataupun kutar kepala, ini yang menjadi soalan?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini yang sebenarnya kriteria mendapat 5A itu bukanlah satu-satunya yang menjadi

pemilihan untuk murid-murid kita memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh, kita juga memperkirakan beberapa kriteria lain. Maka apabila kita mengatakan bahawa untuk hal ini kita komputerkan proses pemilihan ini, maka kita juga perlu mengutip kriteria-kriteria lain seperti mengetahui latar belakang sekolah, latar belakang kanak-kanak dan sebagainya. Ini merupakan bahan yang kita masukkan, sudah tentu ia memerlukan masa untuk Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri kita mengambil kira.

Selain daripada itu, saya juga menyatakan bahawa semenjak satu dua tahun ini jumlah murid-murid kita yang mendapat 5A adalah telah begitu meningkat sehingga ianya terlalu melebihi daripada tempat-tempat yang boleh kita isikan di sekolah-sekolah berasrama penuh. Jadi dengan itu sudah tentulah dari segi kita hendak memproseskan angka yang begitu besar untuk disesuaikan dengan tempat yang lebih kecil daripada jumlah yang mendapat 5A memakan masa dan saya tidak mengatakan bahawa walaupun dikatakan lambat tetapi kadar masa itu adalah sesuai dan menepati sekali. Saya tidak mengatakan bahawa proses ini lambat.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat yakin keputusan penilaian Darjah 5 itu adalah tepat diperolehi oleh murid-murid itu sebab ada kadang-kadang terjadi murid-murid yang dapat 5A masuk ke sekolah berasrama penuh, murid yang berkenaan itu tidak tahu apa benda kerana dalam pengalaman saya soalan-soalan itu cuma soalan pusingan sahaja, dalam 2-3 tahun soalan itu akan naik balik. Jadi murid-murid ini cuma dia buat belajar secara tuju, secara mengulangkan pelajaran, kadang-kadang dalam setahun dua soalan itu yang naik, Jadi adakah Kementerian yakin keputusan yang diperolehi oleh murid-murid darjah 5 itu adalah tepat dengan kebolehan murid-murid itu sendiri?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang yakin dengan sistemnya sendiri apatah lagi sistem penilaian bagi Darjah 5 ini. Saya ingin mengatakan juga bahawa apa yang dapat

diuktikan dari segi pencapaian oleh murid-murid ini memang menggambarkan hasil daripada penilaian yang kita telah buat dan kita menerima hal ini.

Saya ingin juga menambah di sini bahawa di peringkat Darjah 5 ini, ini merupakan penilaian dan bukannya peperiksaan, tidak seperti umpamanya Peperiksaan SPM atau STP. Jadi dalam proses yang kita namakan penilaian ini saya sendiri merasakan bahawa Kementerian sangat berpuas hati dengan sistem yang ada sekarang.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peperiksaan penilaian Darjah 5 ini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran, iaitu perkara ini memang perkara yang rumit sekali. Apa yang difahami daripada jawapan tadi mengatakan peperiksaan ini adalah sebagai peperiksaan pemulihan sahaja tetapi yang sebenarnya apa yang berlaku sekarang ini peperiksaan ini bukan peperiksaan pemulihan tetapi telah menjadi peperiksaan untuk memasuki sekolah menengah. Guru-guru sekolah menengah tidak mahu terima kalau sekiranya murid-murid yang diperiksa di dalam Darjah 5 itu kurang daripada 5A, manakala murid-murid yang kurang daripada itu seumpama dia ada dapat 2A, 3B maka dia akan utamakan hak yang 5A belaka kerana dia kata ini pemilihannya begitu.

Perkara yang seumpama ini saya teringat kepada jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam pada masa beliau menjadi Menteri Pelajaran pada tahun dahulu. Beliau mengatakan peperiksaan penilaian Darjah 5 ini adalah peperiksaan pemulihan, bukannya peperiksaan pilihan. Maka sekarang ini apa yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah yang berasrama penuh ialah peperiksaan pilihan, dia mendahulukan murid-murid yang mendapat A banyak, kalau A5 dia terima itu yang dahulu. Jadi tentulah menjadi aniaya kepada murid-murid yang dapat B pada hal sebagaimana yang kita tahu murid-murid itu kalau yang cergas dalam sukan takdirnya jarang yang dapat 5A, dia akan tercicir sedikit pelajarannya, begitu juga yang ambil dalam bahagian sports takdirnya, tetapi

murid-murid yang akan menumpukan kepada pelajaran sahaja di sekolah atau di rumah dipaksa oleh ibubapa yang baca buku sahaja akan dapat A, murid-murid yang seumpama ini tidak berjaya dalam lapangan lain tetapi dalam pelajaran sahaja. Pihak sekolah akan menumpukan perhatiannya kepada murid-murid yang seumpama ini.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang daripada pelajar itu berjumpa saya hendak masuk ke sekolah menengah (ugama) di bawah Kementerian Pelajaran di Kuala Trengganu. Saya cuba berjumpa dengan Guru Besarnya, didapati murid ini dapat 4B, 1A, 'A'nya itu dalam Bahasa Malaysia, dia minta maaf kepada saya banyak-banyak dengan sebab dia tak dapat 5A, ramai murid-murid hak yang 4A lagi ditolak, inikan pula yang lulus 4B sahaja. Jadi saya pun hairanlah, saya kata macam mana sudah jadi begini, murid ini di luar bandar, apakala ditolak ke mana dia hendak pergi? Ini sudah bercanggah dengan kenyataan bekas Menteri Pelajaran, iaitu Timbalan Perdana Menteri sekarang, sudah dijadikan peperiksaan ini peperiksaan pilihan, bukannya peperiksaan pemulihan sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pelajaran sekarang.

Jadi saya harap perkara seumpama ini diambil berat dan supaya perkara ini diberitahu kepada Jabatan-jabatan Pelajaran di tiap-tiap negeri, janganlah dijadikan dasar begitu kerana akan jadi murid-murid terkorban pula.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perbezaan daripada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam dahulu dengan apa yang dikatakan oleh saya dan jawapan saya dan juga dari apa yang kita terangkan dari semasa ke semasa mengenai penilaian Darjah 5 ini. Dia bukan merupakan peperiksaan, hanya satu penilaian kerana satu daripada perkara yang kita ingin nilaikan ialah sebelum seorang murid itu melanjutkan pelajarannya ke peringkat sekolah menengah. Jadi kita dapat mengetahui melalui penilaian di peringkat Darjah 5 ini prestasi sebenarnya selama 5 tahun dan kalau ada pembetulan yang ingin dibuatkan ini

boleh dilakukan pada peringkat Darjah 6 sebelum meningkat kepada sekolah menengah.

Saya belum lagi mendengar cerita bahawa guru-guru menolak ataupun kurang ingin menerima masuk ke sekolah-sekolah mereka yang tidak mempunyai 5A ini. Sekiranya terdapat kes-kes yang tertentu, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat melaporkan kepada kita oleh kerana mungkin juga apa yang berlaku mungkin kriteria masuk ke sekolah menengah yang mana kita selalu menyebut orang yang mendapat 5A itu mempunyai kelebihan daripada yang tidak mendapat 5A. Cerita-cerita seperti ini selalu digambarkan oleh ibubapa kita dan macam saya katakan tadi itu pun bukan menjadi kriteria utama. Jadi mungkin juga timbul kekeliruan mengatakan bahawa di sekolah-sekolah menengah yang lain yang bukan berasrama penuh pun kita terpaksa menerima yang 5A sahaja juga.

Saya rasa kalau ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa murid-murid kita yang tidak dapat 5A tidak dapat diterima masuk ke sekolah menengah, ini adalah satu kesalahan.

PROJEK MINI-HIDRO DI SARAWAK

5. Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan menimbang menambahkan lagi bilangan projek-projek mini-hidro di Sarawak memandangkan banyak terdapat sungai-sungai yang airnya mengalir dengan deras sebagai sumber tenaga letrik bagi penduduk-penduduk luar bandar.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengeksploitasikan sungai-sungai yang banyak terdapat di Sarawak untuk menjanakan tenaga elektrik termasuk projek-projek mini-hidro. Mengikut kajian yang telah dibuat, pembekalan kuasa elektrik melalui mini-hidro kepada penduduk-penduduk luar bandar adalah merupakan

satu cara yang lebih ekonomi dalam jangka masa panjang jika dibandingkan dengan penjaan melalui diesel.

Di Sarawak, Kerajaan akan membangunkan sebanyak 10 buah projek mini-hidro dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kesemua projek-projek ini akan diselenggarakan dalam 3 peringkat. Pada peringkat pertama Kerajaan akan membina 3 buah stesen mini-hidro iaitu di Kalamuku, Sebako dan Lundu. Bagi projek Kalamuku, kontrak untuk kerja-kerja mechanical dan electrical telahpun ditawarkan manakala kontrak untuk kerja sivil akan dikeluarkan pada bulan Disember ini. Bagi projek-projek Sebako dan Lundu pula, tender-tender bagi kerja sivil telahpun dikeluarkan dan penilaian terhadap tender-tender yang diterima telah selesai dibuat pada bulan Julai, 1982.

Sementara itu tender-tender untuk kerja-kerja mechanical dan electrical bagi kedua-dua projek ini telah ditutup pada bulan September, 1982. Peringkat kedua akan meliputi projek-projek mini-hidro di Semadang, Batu Lintang dan Saliban. Notis tender bagi projek-projek ini telah dikeluarkan pada bulan November 1982 dan kontrak-kontrak dijangka akan ditawarkan pada bulan Mac, 1983.

Peringkat ketiga akan melibatkan pembinaan stesen-stesen mini-hidro di Wong Silau, Kejin, Mediao dan Giam. Peringkat ini dijangka akan bermula pada bulan Jun, 1983.

ZAKAT—RESIT UNTUK MENDAPAT REBATE

6. Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) mengapa setengah pejabat-pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri menerima resit-resit zakat yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan Ugama sebagai potongan sah, tanpa ungkat, daripada bayaran cukai pendapatan, dan mengapa setengah pejabat-pejabat minta kira-kira bertulis berkaitan dengan harta benda dan pendapatan seorang Islam dan bukti mengapa jumlah zakat itu tidak berlebihan, sebelum diberinya potongan; dan

(b) sama ada kesusahan membuktikan jumlah bayaran zakat diketepikan dan arahan dihantar kepada tiap-tiap pejabat Jabatan Hasil dalam Negeri.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, pada masa pindaan dibuat kepada Undang-undang Cukai Pendapatan berhubung dengan rebate zakat, semua cawangan Jabatan Hasil Dalam Negeri telah diarahkan bahawa suatu rebate akan diberi bagi jumlah zakat yang telah dibayar oleh seseorang individu dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran sekiranya bayaran tersebut dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa ugama yang sesuai.

Amalan pejabat adalah untuk membenarkan rebate berkenaan berdasarkan kepada resit-resit yang sesuai. Semua pejabat cawangan sedar bahawa asas perkiraan zakat tidak perlu dibuktikan sebelum rebate diberi. Walau bagaimanapun, jika Ahli-ahli Yang Berhormat ada butir-butir di mana pertanyaan-pertanyaan dibuat mengenai butir-butir zakat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, silalah kemukakan keterangan-keterangan lengkap supaya boleh disiasat untuk tindakan selanjutnya.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi fasal perkara ini telah dibangkitkan di dalam satu majlis ugama dalam satu negeri, seorang daripada ahli Lembaganya ada experience bahawa ia ditanya oleh Jabatan pungutan cukai membuat kira-kira fasal apa dia kena bayar zakat sebanyak itu, walhalnya dari segi Islam sama ada kita bayar zakat kurang atau lebih, itu pada kita sendiri; kurang kita berdosa, lebih kita berpahala dan kalau kita bayar lebih pun mungkin bayaran itu untuk tahun lepas atau bagi tahun-tahun yang kita tidak bayar. Jadi terima kasihlah atas jawapan Timbalan Menteri mengatakan bahawa Pejabat Inland Revenue sekarang akan menerima resit daripada Majlis Ugama Islam dengan tidak ada apa-apa lagi pertanyaan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada ini juga berkait dengan jawapan Timbalan Menteri tadi bahawa

bayaran zakat ini boleh dipotong cuma di tahun hadapan. Maknanya jika kita bayar zakat pada tahun 1982, cuma bayaran zakat itu boleh dipotong daripada bayaran cukai yang akan diperbuat pada tahun 1983, bermakna tahun taksiran 1983. Jadi saya ingin tahu jika Kementerian boleh menyelaraskan bahawa bayaran cukai yang dibuat pada tahun 1983 umpamanya dapat dipotong daripada bayaran cukai kepada Jabatan Cukai Pendapatan negeri pada tahun itu juga. Dengan kata-kata yang lain jika kita kena bayar cukai pendapatan sebanyak \$10,000 dalam tahun 1983 dan kita dalam tahun 1983 kita telah bayar zakat sebanyak \$10,000 bermakna kita tidak payah bayar cukai lagi dalam tahun 1983. Bolehkah ini diselaraskan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, itu akan diberi pertimbangan.

TV MALAYSIA—PENYIARAN UCAPAN MENTERI DALAM BAHASA INGGERIS

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa selalu sangat TV Malaysia menyiarkan ucapan-ucapan Menteri dalam bahasa Inggeris kepada penuntun-penuntun yang terdiri dari rakyat Malaysia, dan perkara ini tidak seharusnya berlaku memandangkan Bahasa Kebangsaan kita ialah Bahasa Malaysia dan sama ada beliau akan memberi jaminan perkara seperti ini tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan pada kebiasaannya para Menteri akan membuat ucapan dalam Bahasa Inggeris sekiranya seminar atau persidangan itu bertaraf antarabangsa. Ini disebabkan oleh para perwakilan ataupun pesertanya terdiri dari wakil-wakil negara asing. Di sebaliknya, kalau persidangan itu bertaraf kebangsaan, para Menteri akan membuat ucapan dalam Bahasa Kebangsaan. Walaupun begitu pihak RTM pada lazimnya menyiarkan intisari atau ringkasan ucapan Menteri di dalam Bahasa Malaysia dan bukan dalam Bahasa Inggeris

selaras dengan dasar menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di media Kerajaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ala Malaysia macam itu jadinya Bahasa Kebangsaan dalam negeri sendiri. Jika kita melawat ke luar negeri, Menteri-menterinya bercakap dalam bahasa sendiri walaupun persidangan itu taraf international sebab dia mahu menunjukkan bahasa negerinya sendiri, apa peduli orang datang; kalau dia hendak tahu, ada penterjemah (translator). Memang tidak cukup alat dalam negara kita ini untuk menterjemahkannya, serupa dalam Dewan ini ada alat kita. Yang saya mahu dan yang rakyat mahu ialah supaya Menteri-menteri kita dan pegawai-pegawai kita mengutamakan bahasa kita sendiri walau dalam apa upacara pun dalam negeri kita. Para tetamu yang datangpun tahu dan dia pula memandang mulia kepada kita kerana kita muliakan bahasa kita sendiri. Kerap kali negara-negara besar, saya tidak mahu sebut nama, datang ke negeri kita dia tidak tahu bahasa Inggeris, dia tidak mahu cakap Inggeris, dia cakap bahasa sendiri, pakai penterjemah untuk terjemahan ke bahasa Inggeris. Apa yang kita mahu supaya Ketua-ketua kita, dia yang menghargakan sendiri bahasa dia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyalahkan Yang Berhormat Menteri ini, diapun apa kuasa dia hendak menyuruh Menteri-menteri atau bapak-bapak Menteri, tetapi saya mencadangkan supaya di masa ke hadapan walaupun negeri kita kecil tetapi menunjukkan identiti bahasa, kita ini ada mempunyai bahasa. Beratus juta menggunakan bahasa kita dan barang yang tidak boleh diakui, tidak lama lagi dalam 25 tahun bahasa kita akan menjadi bahasa *lingua franca* di sebelah Timur ini. Tidak boleh dinafikan, mahu tidak mahu. Mengapa kita pula takut memperkatakan bahasa itu ataupun berasa malu kononnya sebab orang tidak faham. Saya usulkan, bolehkah Yang Berhormat Menteri itu terutama dalam TV di masa akan datang supaya memperkatakan bahasa. Kalau hendak berucap Menteri itu

berucap bahasa kita dahulu, kemudian terjemahkanlah, kalau dia hendak bercakap Peranciskah, Germankah, sebab itu barangkali lebih masyhur, terpulanglah kepada Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat Menteri? (*Ketawa*).

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian dari apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah merupakan satu pandangan beliau. Tetapi sukalah saya menyatakan di sini bahawa memanglah Menteri-menteri kita di sini memberi keutamaan kepada Bahasa Malaysia, terutama sekali di dalam negeri ini, tetapi kalau di peringkat antarabangsa ini menengokkan kemudahan-kemudahan yang ada. Walau bagaimanapun, saya akan menyampaikan pendapat Yang Berhormat itu.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, ini soal Bahasa Malaysia yang digunakan di TV iaitu Bahasa Malaysia menjadi Bahasa Kebangsaan dan begitu juga Ugama Islam menjadi Ugama Rasmi di Malaysia ini. Di sini saya ingin bertanya, di Radio Malaysia dan TV Malaysia juga, daripada dahulu azan Isyak dikeluarkan dalam TV dengan suara tetapi sekarang nampaknya tidak ada lagi. Masa Isyak itu telah diambil oleh Warta Berita, hanya yang dikatakan, ditulis sahaja di kaca TV itu, waktu Isyak sudah sampai, sekian-sekian masa. Nampaknya kita ini melebihi, kita meninggalkan ugama dan dilebihkan di segi Warta Berita. Sedangkan di lain-lain rancangan dalam TV, rasa saya boleh juga ditukar-tukar, umpamanya, dahulu Laporan Parlimen diadakan pukul 9.45, malam tadi sudah 9.21. Apa salahnya kalau azan Isyak ini ditetapkan walaupun apa yang terjadi pada masa itu tetap disiarkan.

Yang kedua, di Radio Malaysia yang saya dengar yakni kegunaan bahasa kita iaitu "Kuala Lumpur" biasanya "Lumpur" tetapi apa yang saya dengar selalu orang yang membaca Warta Berita itu mengatakan Kuala Lumpur ini "Kuala Lumpor", cuba tuan-tuan dengar. Yang Berhormat pun dengar. Oleh itu, sama ada kita hendak "Kuala Lumpurkah" betul ataupun "Kuala Lumpor"

yang betul, nama Kuala Lumpur ibu kota kita ini. Yang ketiga, lupa pula (*Ketawa*). Itu sahajalah (*Ketawa*).

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan pertama Yang Berhormat tadi sudah jauh pergingnya daripada soalan asal. Jika sekiranya Yang Berhormat ingin saya menjawab soalan azan dan bahasa, Ugama Islam dan sebagainya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya persilakan Yang Berhormat membuat satu soalan lain supaya dapat kita menjawab khusus untuk perkara tersebut.

Bagi perkara yang kedua tadi menyebut soal Kuala Lumpur, "Kuala Lumpor" Kuala manakah, kadang-kadang ini mengikut orang yang menyebut itu kadang-kadang beberapa Yang Berhormat di sinipun kalau mengikut Perak, dia mengikut cara Perak, kalau dia orang Kedah pula dia sebut "Kuala Lumpok". Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu akan saya rujukan kepada Dewan Bahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 15 adalah diberi di bawah ini).

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

8. Dato' Yap Peng minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri dan sama ada beliau bercadang hendak mengurangkan bilangan ini dengan menubuhkan satu lagi Universiti Tempatan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Jumlah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri pada tahun 1982 bagi semua jurusan adalah kira-kira 52,015 orang. Adalah menjadi cadangan Kerajaan untuk menambah kemudahan dan kapasiti bagi menempatkan pelajar-pelajar di Institusi Pelajaran Tinggi tempatan. Dengan cara ini mungkin bilangan pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran ke luar negeri akan berkurangan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pemergian pelajar-pelajar kita ke luar negeri masih lagi diperlukan untuk menampung pelajar-pelajar

mendapatkan pelajaran tinggi mereka, kerana adalah tidak wajar bagi negara ini dapat menampung kesemua pelajar-pelajar yang berkelayakan mendapatkan pelajaran tinggi mereka di Universiti-universiti tempatan.

PROJEK AMALAN MAKANAN DAN PEMAKANAN (AMP)

9. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan prestasi dan kemajuan projek Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) dan:

- (a) adakah projek itu masih lagi dalam peringkat perintis atau sudah menjadi projek bagi pelaksanaan terbuka; dan
- (b) adakah projek itu terus menjadi projek Kerajaan Persekutuan dan tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan Negeri.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Program Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP) bukanlah hanya tanggungjawab Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar semata-mata tetapi Program Amalan Makanan dan Pemakanan ini adalah menjadi tanggungjawab berbagai jabatan iaitu Jabatan Haiwan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sendiri.

Peranan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah membantu Kementerian-kementerian dan Jabatan di atas bagi melaksanakan program Amalan Makanan dan Pemakanan. Sehingga kini program Amalan Makanan dan Pemakanan yang dibantu oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah melibatkan 46 buah daerah dan yang terkandung di dalamnya 620 buah kampung di seluruh Malaysia. Sehingga kini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan seramai 1284 peserta telah dilatih bagi meningkatkan kefahaman mengenai Program Amalan

Makanan dan Pemakanan dan peserta-peserta ini adalah terdiri daripada Ahli-ahli JKR, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli JK AMP, Penolong Pegawai Daerah dan lain-lain.

Bagi soalan (a) untuk makluman Yang Berhormat Projek Amalan Makanan dan Pemakanan ini bukan lagi berada di dalam peringkat perintis tetapi sudah menjadi projek bagi pelaksanaan terbuka.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek Amalan Makanan dan Pemakanan ini bukanlah semata-mata projek Kerajaan Persekutuan tetapi juga adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri.

KELAS BAHASA IBUNDA

10. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan mengambil langkah-langkah positif bagi mempercepatkan pembukaan kelas-kelas bahasa ibunda di sekolah menengah apabila diminta oleh ibu bapa penuntut-penuntut; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau akan memberi peruntukan lebih besar sebagai pembayaran elaun guru-guru yang mengajar dalam kelas bahasa ibunda oleh kerana tuntutan bagi membuka kelas bahasa ibunda semakin bertambah.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob:

- (a) Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah positif bagi menubuhkan kelas-kelas bahasa ibunda sekiranya terdapat permohonan dari sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa murid-murid supaya sesuatu kelas bahasa ibunda, Cina atau Tamil itu dibuka.
- (b) Pada tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran menyediakan peruntukan yang cukup bagi menjalankan kelas-kelas bahasa ibunda. Malahan peruntukan yang disediakan adalah bertambah dengan kadar 25% tahun demi tahun. Ini jelas menunjukkan

bahawa bilangan kelas bahasa ibunda terus meningkat dari setahun ke setahun sesuai dengan pertambahan bilangan murid-murid yang ingin mempelajari bahasa-bahasa ibunda mereka di sekolah menengah dan rendah.

PINJAMAN PERUMAHAN DARI PENCARUM EPF

11. Tuan M. K. Muthusamy minta Menteri Kewangan sama ada beliau sedar bahawa rancangan pinjaman untuk perumahan melalui EPF untuk pekerja-pekerja adalah tidak memuaskan kerana had maksima pinjaman sebanyak 10% kos rumah yang dibeli itu adalah tidak mencukupi dan sama ada beliau akan menimbang untuk menaikkan had maksima pinjaman ini kepada 25% sekurang-kurangnya khasnya untuk membolehkan pekerja-pekerja membeli rumah kos rendah iaitu rumah-rumah yang kurang dari \$25,000 kosnya.

Dato Dr Ling Liong Sik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak melaksanakan apa-apa rancangan pinjaman perumahan untuk pencarum-pencarumnya. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hanya melaksanakan sekim-sekim pengeluaran caruman untuk membantu pencarum-pencarum KWSP yang ingin membeli rumah untuk mengatasi masalah mendapatkan wang pertaruhan sebanyak 10% daripada harga rumah yang biasanya diperlukan oleh pemaju-pemaju perumahan. Baki sebanyak 90% lagi itu bagi rumah kos rendah hendaklah diperolehi Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) atau mana-mana institusi kewangan lainnya.

Sekim ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya.

PEGAWAI PERUBATAN DI PULAU LANGKAWI

12. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menambah lagi bilangan doktor untuk bertugas di Langkawi

memandangkan bilangan penduduk di Langkawi kini semakin ramai bilangannya akibat dari proses pembangunan yang pesat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini terdapat 2 orang Pegawai Perubatan sedang berkhidmat di Hospital Daerah, Pulau Langkawi. Kementerian Kesihatan sedar tentang penambahan beban kerja di hospital itu dan akan berusaha untuk menempatkan pegawai-pegawai perubatan di Pulau Langkawi pada tahun depan apabila pegawai perubatan tambahan diperolehi nanti.

LANDASAN KERETAPI DARI KUALA LUMPUR KE TIMUR

13. Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah projek pembinaan landasan keretapi yang akan menghubungkan Trengganu dengan negeri-negeri lain di Semenanjung sebagaimana kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar di Kuala Trengganu pada 6hb Ogos, 1982 yang lalu akan dimulakan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Ekoran dari keputusan Kerajaan untuk mengadakan sistem keretapi letrik landasan berkembar tolok standard satu kajian mengenai projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak JICA (Japanese International Co-operation Agency). Kajian ini telah dimulakan pada bulan September, 1982 dan laporan awal dijangka siap pada bulan Mac, 1983 ini. Laporan akhir dijangka siap pada penghujung tahun 1983.

Kajian ini meliputi juga cadangan pembinaan landasan keretapi dari Kuala Lumpur menghala ke timur ke Kuantan dan seterusnya ke utara mengikut pantai timur Semenanjung Malaysia melalui Trengganu hingga ke Kota Bharu.

Memandangkan yang projek ini di dalam peringkat kajian setakat ini adalah sukar untuk menentukan sejauhmana ianya akan dilaksanakan kerana ini akan bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan apabila kos projek ini ditentukan kelak.

BAS EKSPRES HARAM

14. Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kasim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah tindakan Kementerian ke atas Bas Ekspres haram yang berleluasa hingga Bas Ekspres Bumiputra mengalami kerugian.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Ingin saya menjelaskan di sini bahawa bas-bas yang terlibat di dalam menjalankan kegiatan ekspres haram adalah terdiri daripada bas-bas persiaran. Dari segi undang-undang memanglah ternyata bahawa kegiatan ini adalah salah dan telah terkeluar daripada tujuan asal permit bas berkenaan dikeluarkan. Dengan itu pengusaha-pengusaha bas berkenaan telah menyalahgunakan permit yang diberikan dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 125 Road Traffic Ordinance 1958.

Kementerian saya memang sedar bahawa ada pengusaha-pengusaha bas persiaran yang menjalankan kegiatan bas ekspres haram, dan telah mendapat kerjasama yang penuh daripada Jabatan Pengangkutan Jalan yang telah membuat laporan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan supaya tindakan yang sesuai diambil. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan telah dan sedang mengambil tindakan ke atas 121 bas persiaran yang telah menjalankan kegiatan ekspres haram. Bentuk-bentuk tindakan yang diambil adalah sama ada:

- (i) Membatalkan lesen;
- (ii) Menggantungkan lesen selama 3 bulan; atau
- (iii) Memberi amaran keras.

Bentuk-bentuk tindakan yang akan diambil oleh Lembaga Pelesenan bergantung kepada kekerapan seseorang pengusaha itu melakukan kesalahan.

Di antara 121 bas persiaran yang telah dilaporkan menjalankan kegiatan ekspres haram ini 45 permit akan dibatalkan, 29

permit akan digantung selama 3 bulan dan 47 permit akan diberi amaran keras. Tindakan-tindakan yang dikenakan ini adalah berasaskan kepada kekerapan kesalahan-kesalahan yang dilakukan, dan sebelum sesuatu tindakan itu diambil pihak yang terlibat adalah diberikan surat tunjuk sebab, atau, dengan izin "show cause letter" untuk memberi peluang memberi alasan masing-masing tentang mengapa tindakan-tindakan itu tidak boleh diambil ke atas mereka.

Saya ingin menegaskan sekali lagi di sini bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian saya akan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan bas persiaran ini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sehinggalah kegiatan-kegiatan seperti ini tidak berlaku lagi.

RUMAH KOS RENDAH—BILANGAN

15. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan rumah-rumah murah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 1983 mengikut negeri-negeri dalam Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Sebanyak 128,098 unit rumah kos rendah adalah merupakan matlamat Rancangan Malaysia Keempat negeri-negeri yang di bawah tanggungjawab Kementerian saya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 86,922 unit atau 67.9% berada di dalam berbagai peringkat pelaksanaan, dan 20,360 unit telah siap dibina. Sebanyak 20,816 unit lagi sedang berada di dalam peringkat pengambilan balik tanah dan kerja-kerja ukur dijangka akan dapat dijalankan sebelum akhir tahun hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dijangkakan sebanyak 24,312 unit daripada 63,689 unit yang berada di dalam peringkat awal pelaksanaan akan dapat dimulakan binaan bangunan atau ditender

untuk pembinaan pada tahun 1983. Butir-butir mengikut negeri-negeri (tidak termasuk Wilayah Persekutuan) ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Unit</i>
1. Johor	4,072
2. Kedah	230
3. Kelantan	1,013
4. Melaka	1,682
5. Negeri Sembilan	1,650
6. Pahang	3,778
7. Perak	2,250
8. Perlis	746
9. Pulau Pinang	2,106
10. Selangor	3,490
11. Trengganu	1,194
12. Sabah	1,508
13. Sarawak	593
JUMLAH	24,312

USUL-USUL

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Kam Woon Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja calon yang telah dikemukakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Dato Haji Mohamed bin Nasir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan disokong, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 2 (3) dan 5 (2), saya mengisytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua (*Tepuk*).

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai ditimbang dan diluluskan, dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan ditangguhkan kepada hari esok jam 2.30 petang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai ditimbang dan diluluskan, dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan ditangguhkan kepada hari esok jam 2.30 petang.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam.” (13hb Disember, 1982)

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.40 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini yang menyentuh Kementerian saya semasa perbahasan Titah Di-Raja.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad telah menyentuh tentang penempatan industri yang mana jika tidak diatur boleh mencemarkan alam sekeliling negara kita. Izinkan saya menyatakan bahawa jika negara kita hendak maju ke hadapan industri-industri akan ditambah dan begitu juga urbanisasi. Ini bermakna paras pencemaran udara dan air akan juga bertambah dengan banyaknya. Untuk menghadapi keadaan tersebut, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang membantu dua serampang iaitu pemulihan dan pencegahan.

Mengenai aspek pemulihan Kementerian saya melaksana dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Dengan Akta dan peraturan-peraturan tersebut piawai yang tertentu telah ditetapkan untuk mengawal affluence yang dikeluarkan oleh industri-industri. Tindakan tegas dari sisi undang-undang akan diambil terhadap mereka yang melanggar undang-undang itu.

Berkenaan dengan aspek pencegahan, Kementerian saya memberikan khidmat nasihat dan perundingan serta garis-garis panduan kepada agensi-agensi berkenaan. Kementerian saya telah memberikan garis panduan bagi penempatan dan pengezonan industri-industri untuk pelaksanaan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa Tempatan.

Kementerian saya akan menggubalkan garis panduan bagi pengawalan dan pencegahan hakisan dan kelodakan yang akan dibentangkan untuk pertimbangan Majlis Tanah Negara serta kelulusan oleh Kabinet tidak lama lagi. Garis panduan itu saya harap akan mengurangkan masalah pencemaran air.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad juga menyentuh tentang bantuan kepada industri-industri kecil yang memerlukan bantuan dari segi penyelidikan, latihan dan teknologi. Sukacita saya maklumkan bahawa sebagai agensi Kementerian saya iaitu SIRIM di antara lain berfungsi untuk memberikan khidmat bimbingan dan rundingan kepada industri-industri kecil dan sederhana. Di SIRIM ada terdapat satu bahagian dipanggil Bahagian Khidmat Bimbingan dan Nasihat Industri yang mana fungsi utamanya ialah untuk menasihati dan memberi panduan kepada industri-industri sedemikian khasnya pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga bumiputra untuk menggunakan pendekatan moden dan alat kelengkapan yang telah ditingkatkan dari segi teknologi supaya menghasilkan kecekapan dan daya pengeluaran yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyatakan di sini bahawa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan sama ada secara langsung atau tidak sewaktu perbahasan ini tetapi tidak disentuh dalam ucapan ini, akan diberi perhatian oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

3.45 *ptg.*

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh pada dasar dan kegiatan Kementerian Penerangan. Saya mengalu-alukan teguran yang membina itu supaya dapat membolehkan Kementerian ini memperbaiki dan meningkat lagi perkhidmatannya untuk faedah dan rakyat.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon mengenai RTM menayang filem-filem seperti "The Greatest American Hero" atau "The Incredible Hulk" dan kesannya yang boleh membahayakan kanak-kanak.

Saya suka menjelaskan bahawa setakat ini belum ada aduan dari orang ramai yang menyatakan ianya membawa akibat yang begitu buruk sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya RTM telah mengkaji serta meneliti rancangan ini dengan begitu teliti sebelum ditayangkan kepada masyarakat umum dan mengikut kajian panel RTM ianya begitu popular sekali. Rancangan-rancangan ini adalah tidak ubah seperti cerita-cerita penglipur lara di dalam masyarakat Melayu dan cerita ini adalah berbentuk fiction.

Berkenaan dengan saranan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak, saya suka menerangkan bahawa sejak dasar "Pandang ke Timur" diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Jabatan Penerangan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu melalui kegiatan-kegiatan komunikasi bersemuka, media cetak untuk menyampaikan serta menerangkan konsep, falsafah dan tujuannya supaya dasar tersebut dapat difahami diterima dan seterusnya diamalkan oleh masyarakat umum.

Sebagai contoh kegiatan komunikasi bersemuka bagi tempoh enam bulan yang lalu kursus-kursus sivik telah diadakan sebanyak 3,700 kali dan peserta-pesertanya lebih dari 46,000 orang. Manakala kegiatan-kegiatan luar melalui Unit-unit Bergerak dalam tempoh yang sama telah diadakan sebanyak

100,000 kali dan meliputi lebihkurang 7 juta orang. Dari segi media cetak sebanyak dua jenis buku kecil yang berkaitan dengan dasar tersebut telah diterbitkan dan diedarkan kepada orangramai. Jabatan ini juga telah mengeluarkan beberapa siaran akhbar kepada akhbar-akhbar untuk disiarkan kepada masyarakat umum.

Akhir kata, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan-ulasan dan pandangan yang membina saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

3.49 *ptg.*

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengeluarkan pendapat-pendapat mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di dalam perbahasan. Tidak banyak perkara dan teguran yang telah ditimbulkan kepada Kementerian tetapi saya ingin menyentuh mengenai cadangan untuk meningkatkan jumlah peruntukan pinjaman bagi peniaga-peniaga kecil.

Daripada saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad jelaslah bahawa gambaran yang diberi, masalah-masalah bumiputra di dalam bidang perniagaan kecil/besar bersabit dengan perkara modal.

Dalam hal ini ingin saya menyatakan jika hanya modal dijadikan sebab sesuatu perusahaan ataupun industri itu gagal, maka masalah modal ini tidak akan selesai sampai bila-bila, kerana negara sendiri dan negara-negara yang maju sendiri sentiasa tidak mempunyai wang yang cukup dan syarikat-syarikat yang besarpun kerana projeknya yang semakin bertambah sentiasa terputus modal. Masalahnya yang sedang dihadapi oleh Kementerian melalui agensi-agensi dan jabatan di bawahnya yang melibatkan diri dengan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil ialah masalah yang timbul setelah modal diadakan. Ini ialah disebabkan kurang

keahlian di dalam bidang pengurusan dan juga kurang tanggungjawab dalam urusan pengendalian wang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengalaman ini ketara sekali di dalam agensi seperti agensi MARA dan juga kita mempunyai pengalaman yang banyak dalam urusan kewangan Bank Rakyat dan saya rasa untuk masa-masa akan datang kita akan mengalami masalah yang sama dalam urusan pinjaman melalui tabung Jabatan Pembangunan Koperasi. Oleh itu, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar sedang menumpukan perhatian kepada bidang pengurusan wang dan usaha melatih usahawan dengan kursus-kursus yang akan diadakan di tahun-tahun yang akan datang.

Adalah menjadi harapan Kementerian semoga mereka yang meminjam wang daripada semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar menganggap bahawa pinjaman ini adalah pinjaman dan tidak merupakan hadiah ataupun derma daripada agensi dan jabatan. Insya Allah, apabila pembayaran telah dibuat oleh peminjam-peminjam bumiputra ini maka tabung pinjaman yang ada dari agensi-agensi bukan sahaja dapat membantu untuk memberi pinjaman yang lebih besar kepada usahawan-usahawan baharu, malah dengan adanya prestasi usahawan bumiputra dengan baik dikendalikan urusan kewangannya, maka setelah meminjam dari agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar usahawan dan peniaga-peniaga bumiputra dapat diperkenalkan kepada pihak swasta dan juga bank-bank koperasi di mana mereka boleh mendapat peruntukan wang yang lebih besar. Walau bagaimanapun, saya tidak menafikan bahawa peruntukan wang untuk peniaga bumiputra perlu ditambah, tetapi ianya hanya akan ditambah dalam konteks bertambahnya tanggungjawab dan kecekapan mengurus wang dengan amanah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perusahaan Awam.

3.55 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Awam.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah membangkitkan masalah kenaikan harga projek Daya Bumi kerana beliau kluatir apabila projek ini siap tidak ramai kalangan bumiputra yang akan dapat menyewa ruang-ruang niaga jika sewanya telah melambung tinggi. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa kenaikan kos projek Daya Bumi daripada anggaran kos asal adalah difikirkan wajar memandangkan bahawa ini adalah projek raksaksa di mana jangka masa pembinaannya telah dipendekkan dengan menggunakan teknik-teknik baharu pembangunan yang dibawa daripada luar negeri. Kementerian saya sedar tentang masalah keupayaan bumiputra membeli atau menyewa ruang-ruang blok menara dan juga blok podium jika harganya terlalu tinggi dan beberapa tindakan-tindakan administrative ataupun tindakan pentadbiran sedang diambil dengan tujuan mempertingkatkan lagi penglibatan bumiputra dalam projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seboleh-bolehnya blok menara akan dijual kepada institusi-institusi bumiputra dan bagi blok podium juga adalah didapati setakat ini bahawa bilangan bumiputra yang berkemampuan yang telah menunjuk minat untuk berniaga di situ adalah menggalakkan.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh berkaitan dengan kajian semula pemberian subsidi padi, sukalah saya menyatakan di sini bahawa kesan pelaksanaan skim subsidi. Padi ini adalah sentiasa dinilai untuk memastikan bahawa pelaksanaan skim ini memberi keuntungan kepada petani-petani. Sungguhpun pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai

cadangan untuk menukar skim subsidi ini kepada corak yang lain, Kerajaan adalah sentiasa mengawasi bahawa pelaksanaan skim subsidi dan kekesanannya terus akan baik. Seperti Yang Berhormat sedia maklum setengah-setengah masalah skim ini boleh diatasi dengan cara membaiki lagi sistem pengawasan dan pengurusan pelaksanaannya.

Mengenai kadar potongan timbangan padi, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini tidak ada kaitannya dengan pemberian subsidi. Kadar potongan ini dibuat mengikut beberapa kriteria yang telah ditetapkan seperti keadaan padi bersih, masak dan kering. Jadual-jadual potongan telah ditentukan bagi tiap-tiap syarat mutu yang dinyatakan dan jadual-jadual itu telahpun ditetapkan sebelum pelaksanaan skim subsidi.

Mengenai masalah penyelewengan dalam pemberian kupon skim subsidi padi, LPN akan terus mengambil tindakan mengikut undang-undang ke atas segala penyelewengan yang wujud itu. Di samping itu pihak LPN juga berusaha untuk mempertingkatkan lagi sistem pengurusan dan pengawasan skim tersebut dari masa ke semasa.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

4.00 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan mengemukakan beberapa pandangan yang bernas dan ikhlas terhadap Kementerian saya. Saya akan cuba menjawab mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan se jelasnya. Segala teg ran-teg ran dan pandangan-pandangan yang telah

dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah sangat dihargai dan di dalam perhatian Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan masalah-masalah yang terdapat di Wilayah Persekutuan. Perkara-perkara pertama yang dibangkitkan mengenai keperluan-keperluan rumah tempat kediaman dan saiz rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Sebenarnya, Tuan Yang di Pertua, perkara masalah perumahan ini memang sentiasa diberi keutamaan oleh Kementerian ini. Kesedaran Kementerian Wilayah Persekutuan tentang keperluan perumahan yang semakin meningkat di dalam Wilayah Persekutuan ini telahpun dinyatakan dengan panjang lebar di dalam Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur yang telahpun dipamirkan untuk pertimbangan orangramai baru-baru ini. Beberapa dasar dan strategi telahpun disediakan untuk mencapai matlamat Pelan Struktur mengenai perumahan iaitu untuk memudahkan dan menggalakkan pembekalan perumahan yang secukup-cukupnya dan mempunyai taraf yang dapat diterima bagi setiap tingkat pendapatan. Berkaitan dengan rumah-rumah pangsa pula, Dewan Bandaraya telahpun memberi perhatian supaya rumah-rumah pangsa itu mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik selaras dengan purata saiz keluarga penduduk-penduduk di sini yang agak besar. Selain daripada itu di dalam deraf Pelan Struktur peruntukan adalah diberi untuk memastikan bahawa semua pembangunan perumahan sekurang-kurangnya mempunyai taraf minima yang dapat diterima dari segi pembinaan serta perlengkapan kemudahan dan keselesaan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah banjir yang telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya usaha-usaha untuk mengatasi masalah banjir kilat sedang dan akan terus diambil. Langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut termasuklah langkah-langkah jangka

panjang dan jangka pendek. Di antara langkah jangka pendek yang sedang dan akan terus dijalankan adalah untuk membersihkan, membesar dan mendalamkan longkang tepi jalan dan longkang-longkang tanah untuk menambahkan memuat air. Langkah-langkah juga diambil untuk membersihkan, membesar dan memasang pembedong di tempat-tempat yang tertentu. Langkah-langkah jangka panjang yang diambil pula adalah dengan membina projek-projek perparitan yang lebih sempurna dan mendalamkan sungai-sungai yang menjadi punca utama berlakunya banjir. Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telahpun menyediakan satu Pelan Induk Perparitan Bagi Sistem Perparitan Di Wilayah Persekutuan dan kawasan gabungannya. Di dalam Sekim Kawalan Banjir Kuala Lumpur langkah-langkah telahpun diambil untuk meninggikan Ampangan Kelang dan ampangan-ampangan baru telahpun dicadangkan dibina di Sungai Batu dan Sungai Gombak bagi mengurangkan bahaya banjir. Adalah diharapkan bahawa dengan terlaksananya Sekim Kawalan Banjir maka masalah banjir sungai-sungai dan banjir kilat akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya ditubuhkan sebuah agensi pusat yang bertanggungjawab untuk membeli lot-lot perniagaan dan perdagangan bagi tujuan membahagi-bahagikan kepada peniaga-peniaga bumiputra di Kuala Lumpur adalah sangat baik. Saya yakin peranan ini sedang dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti UDA dan usaha untuk mempertingkatkan prestasi dalam bidang ini akan diteruskan. Deraf Pelan Struktur ada memberi perhatian terhadap pengagihan dan perkembangan perdagangan di Kuala Lumpur untuk masa-masa ke hadapan. Adalah menjadi objektif Kementerian saya untuk menentukan penglibatan yang lebih banyak oleh kaum bumiputra dalam pembangunan dan aktiviti-aktiviti perdagangan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Bagi tujuan ini Kementerian saya akan menyelaras dan membantu semua agensi-agensi Kerajaan di Wilayah Persekutuan yang terlibat dalam meningkatkan penyertaan bumiputra.

Berkenaan dengan cadangan supaya diadakan suatu Perbadanan Pembangunan Wilayah Persekutuan saya berpendapat bahawa syor ini juga adalah satu syor yang baik. Perkara ini akan dikaji dan di pertimbangkan dengan teliti dan sedalam-dalamnya terlebih dahulu oleh pihak Kementerian saya agar tidak wujud percanggahan dan pemindahan peranan di antara agensi-agensi berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah dan sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan segala aktiviti agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan Wilayah Persekutuan. Pada masa ini Majlis Tindakan Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan menentukan bahawa pembangunan di Wilayah Persekutuan adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah telah bertanya tentang kedudukan orang-orang Melayu di dalam perancangan pembangunan Kuala Lumpur pada masa hadapan. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat tersebut tentang peruntukan-peruntukan di dalam Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur bagi membangunkan kaum bumiputra. Di dalam Pelan Struktur beberapa dasar dan strategi telahpun digubal bagi menentukan penyertaan bumiputra dalam setiap bidang ekonomi di Wilayah Persekutuan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Kawasan-kawasan Simpanan Melayu seperti di Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat dan Sungai Penchala akan dibangunkan supaya bersesuaian dengan aliran pembangunan yang terdapat di kawasan-kawasan sekitarnya. Langkah-langkah juga akan diambil untuk menyusun dan mengoptimalkan penggunaan tanah di kawasan Simpanan Melayu. Mutu infrastruktur dan perlengkapan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan seperti Sungai Penchala Segambut, Gombak, Selayang, Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat akan dipertingkatkan. Deraf

Pelan Struktur telahpun memperakukan supaya satu perbadanan ditubuhkan bagi memberi khidmat nasihat teknik, kewangan dan organisasi serta pengurusan kepada kaum Bumiputra.

Di dalam membangun dan mentadbirkan Wilayah Persekutuan, Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian untuk menjalinkan perhubungan yang rapat dengan orang-orang awam. Untuk tujuan ini satu Siri Majlis Dialog Pembangunan telah dan sedang diadakan dari tempat ke tempat di peringkat Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah mengemukakan masalah berkaitan dengan penduduk setinggan di negara ini. Walaupun masalah yang dibangkitkan itu adalah bagi seluruh negara, saya mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan dasar dan rancangan Kementerian saya berkaitan dengan masalah setinggan. Masalah setinggan merupakan satu masalah yang kompleks dan besar dan oleh kerana itu program-program dan cadangan-cadangan bagi menghadapi masalah ini akan dilaksanakan secara jangka pendek dan jangka panjang. Matlamat utama Kementerian Wilayah Persekutuan adalah bagi menyerapkan masyarakat setinggan di Wilayah Persekutuan ke dalam masyarakat yang majmuk. Untuk tujuan ini Kementerian ini akan mengambil langkah untuk menyediakan lebih banyak rumah-rumah yang sesuai, mengalakkan setinggan-setinggan itu berpindah ke rumah-rumah yang sah yang telah disiapkan dan menghapuskan gejala tuan punya rumah setinggan yang membina rumah untuk disewa. Untuk mengelakkan berlakunya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan daripada keadaan ini Kementerian saya telahpun mengambil langkah bagi menentukan bahawa pembahagian rumah-rumah kepada penduduk setinggan hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar berhak dan memerlukan rumah-rumah tersebut. Di dalam pembahagian rumah-rumah kos rendah beberapa criteria yang mesti dipenuhi telahpun ditetapkan supaya rumah-rumah itu di bahagikan kepada mereka yang belum

pernah mempunyai rumah. Kementerian saya akan mengawasi dan mengawal perkembangan penempatan setinggan yang sedia ada dan penambahan penempatan setinggan yang baru. Pada masa ini satu cadangan untuk menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Setinggan sedangpun dipertimbangkan sebagaimana yang disarankan oleh Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberikan pandangan yang baik dan jujur dan teguran-teguran yang membina terhadap Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Pelajaran.

4.05 ptg.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan beberapa isu berkaitan dengan Kementerian Pelajaran dan telahpun membuat beberapa syor di samping menyatakan penghargaan mereka terhadap Kementerian ini atas segala usaha bagi melaksanakan Dasar Pelajaran Negara kita.

Sebagaimana biasa banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun bercakap mengenai Kementerian ini, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil masa untuk menjawab seberapa yang boleh perkara-perkara yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Perlulah saya jelaskan bahawa segala usaha dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan sistem pendidikan di negara kita adalah berpandukan kepada perakuan-perakuan Ordinan Pelajaran Tahun 1957, Akta Pelajaran Tahun 1961, Laporan Keciciran Tahun 1973, Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 dan seterusnya Laporan Jawatankuasa

Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Tahun 1979. Oleh itu sebarang perubahan yang dilakukan adalah sejajar dengan kehendak laporan-laporan tersebut yang telah diteliti oleh sebahagian besar rakyat negara ini dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah telah menyatakan sokongannya mengenai tindakan Kerajaan mengadakan Sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Langkah ini kena pada masanya untuk memenuhi keperluan semasa. Seterusnya beliau mengesyorkan setiap ringgit yang dibelanjakan itu mestilah dengan cara yang sebaik-baiknya. Sebenarnya Kementerian Pelajaran menyedari pentingnya pengawasan yang rapi mengenai pelaksanaan KBSR bukan sahaja memandangkan perbelanjaan pelaksanaannya yang agak besar di peringkat persekolahan, tetapi juga supaya terjamin segala matlamat-matlamat dan objektif yang hendak dicapai.

Antara lain Kementerian Pelajaran telah membentuk Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Pusat yang ditugaskan untuk menyelaras langkah-langkah pengesanan dan pengawasan mengenai pelaksanaan KBSR ini. Pembentukan Jawatankuasa ini bukan di peringkat pusat sahaja malahan di peringkat tiap-tiap sekolah ketiga-tiga jenis aliran bahasa pengantar iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang jumlahnya lebih daripada 6,000 buah telah ditubuhkan Jawatankuasa KBSR di bawah pimpinan guru besar untuk mengesan serta mengatasi masalah-masalah yang timbul. Apa-apa masalah yang tidak dapat diatasi di peringkat sekolah akan dikemukakan kepada Jawatankuasa KBSR di peringkat Jabatan Pelajaran Daerah dan seterusnya ke peringkat Jawatankuasa Kurikulum Baru Sekolah Rendah di peringkat Negeri yang juga dipertanggungjawabkan untuk membantu bagi mengesan dan menyelesaikan segala masalah yang mungkin timbul.

Sistem pengesanan dan Pengawasan yang disebutkan ini bukan hanya akan dilaksanakan di Sekolah-sekolah Kebangsaan

bahkan juga di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Dengan itu apa-apa juga kebimbangan yang disuarakan oleh yang Berhormat Senator K. Kumaran tidak akan timbul, insya Allah. Demikianlah corak jentera yang berperingkat dibentuk oleh Kementerian Pelajaran untuk mengesan, mengawasi dan menyelesaikan masalah yang mungkin timbul menjelang pelaksanaan penuh KBSR pada tahun 1983 ini.

Sekumpulan pegawai, kakitangan penting dan guru besar telahpun diberikan tugas untuk memberikan bimbingan kepada guru-guru KBSR yang telahpun menghadiri latihan dan kursus.

Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak juga menyuarakan pandangannya supaya Kementerian Pelajaran menjalankan usaha-usaha tertentu untuk merendahkan peratus keciciran. Dalam masalah keciciran murid, beberapa langkah positif telah diambil oleh Kementerian Pelajaran sejak terlahirnya Laporan Keciciran pada tahun 1973.

Di antara langkah-langkah yang memberi kesan kepada pengurangan jumlah murid-murid yang tercicir dari sistem persekolah termasuklah sistem pinjaman buku-buku teks projek amalan makanan dan pemakanan, bantuan biasiswa, pembinaan sekolah-sekolah yang mempunyai asrama dan program bimbingan dan counselling. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran saya sentiasa mengambil berat dan sedang menimbangkan beberapa strategi yang lain untuk merendahkan lagi peratus keciciran di sekolah-sekolah. Mengenai syor beliau supaya Kementerian Pelajaran menyediakan tempat sekolah berasrama penuh untuk anak-anak tentera, Kementerian Pelajaran telahpun merancangkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk membina lebih banyak sekolah berasrama penuh di seluruh Malaysia. Adalah dijangkakan di akhir Rancangan Malaysia Keempat, jumlah sekolah asrama penuh akan menjadi 38 buah semuanya—bukan tambah baru 38 buah seperti yang dilaporkan dalam akhbar satu ketika dahulu. Dalam hal ini Kementerian

Pelajaran tidak dapat membina sekolah-sekolah berasrama penuh khusus untuk anak-anak tentera kerana objektif utama penubuhan sekolah asrama penuh ialah memberikan tempat belajar yang lebih selesa kepada murid-murid yang terpilih, terutamanya yang datang dari kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, dalam pemilihan untuk memasuki sekolah berasrama penuh, Kementerian saya telah dan akan memberikan perhatian kepada keperluan anak-anak tentera.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh perkara yang berkaitan dengan pemberian biasiswa yang lebih kepada anak-anak tentera untuk mereka melanjutkan pelajaran di institusi dalam dan luar negeri. Dalam persoalan ini Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada anak-anak tentera yang telah bersara atau belum untuk menerima biasiswa bagi melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi asalkan mereka memenuhi kriteria yang digunakan di dalam pemberian biasiswa. Di antaranya, kelayakan akademik, prestasi temuduga dan latarbelakang kewangan yang disyaratkan.

Saya amat berterima kasih kepada beliau kerana mencadangkan perlunya Kementerian Pelajaran menggiatkan usaha melengkapkan dan memperbanyakkan buku-buku teks serta istilah-istilah baru untuk kegunaan di peringkat universiti. Dalam hal ini adalah benar bahawa Kementerian Pelajaran telahpun menganjurkan berbagai usaha yang boleh supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dan syarikat-syarikat penerbitan yang lain menggiatkan lagi aktiviti mereka untuk menterjemahkan buku teks di peringkat pengajian tinggi. Dewan Bahasa dan Pustaka juga sedang melipatgandakan usaha untuk membentuk istilah-istilah baru untuk kegunaan peringkat pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, bagi buku-buku teks yang digunakan di peringkat tahun pertama ijazah bachelor sebahagian besarnya telahpun diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang akan menjadi bahasa pengantar secara rasminya di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Kenneth Kanyan anak

Temenggong Koh dari Sarawak yang telah merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan kerana perkembangan pelajaran di Sarawak selaras dengan dasar pelajaran kebangsaan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mulai Tingkatan Satu di seluruh negeri itu mulai tahun 1983 yang akan datang ini. Kerajaan menjunjung tinggi penilaian beliau yang mengatakan walaupun setengah golongan meragui proses pelaksanaannya di Sarawak, kenyataan yang wujud seperti yang diketahui adalah sebaliknya.

Berhubung dengan teguran beliau mengenai kekurangan guru untuk mengajar Bahasa Malaysia di Sarawak, perlulah saya jelaskan bahawa Kementerian Pelajaran sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menambahkan bilangan guru-guru yang terlatih dan mahir dalam semua matapelajaran dalam kurikulum sekolah menengah termasuklah pengajaran bahasa Malaysia. Bagi negeri Sarawak ramai lagi guru-guru lepasan maktab yang mendapat latihan khas dalam bidang mengajar Bahasa Malaysia telah dan akan ditempatkan di sekolah-sekolah di negeri itu. Guru-guru yang sedang berkhidmat di negeri Sarawak kini diberi kursus intensif dalam Bahasa Malaysia untuk membolehkan mereka mengajar semua matapelajaran dengan perantaraan Bahasa Malaysia. Di samping itu pengajaran bahasa Inggeris juga diberikan kursus dalam perkhidmatan untuk menambahkan lagi kemahiran dan kecekapan mereka dalam pengajaran bahasa tersebut.

Yang Berhormat Senator Datok Haji Othman bin Abdullah dan juga Senator Abdullah bin Salleh dalam perbahasan telah menyentuh tentang penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia yang mana negara-negara Islam telah mempertanggungjawabkan negara ini untuk mengendalikan dengan pembiayaan bersama. Kerajaan bersetuju dengan pendapat kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu supaya perkara ini janganlah disalahfahamkan oleh orang-orang yang bukan Islam kerana Universiti tersebut sememangnya merupakan anjuran

bersama. Kerajaan negara-negara Islam dengan Kerajaan Malaysia. Dewan Rakyat di dalam sidangnyanya pada 10hb Disember, 1982 telahpun meluluskan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti, (Pindaan) yang membolehkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa ini. Kemasukan ke Universiti ini kelak adalah terbuka kepada pemohon-pemohon dari mana-mana juaupun. Dalam hal ini Kerajaan telahpun membuat kajian dan perancangan yang teliti berhubung dengan langkah-langkah yang perlu diambil termasuklah usaha menghantar tenaga pengajar ke negara-negara Islam bagi membuat persediaan awal.

Cadangan Yang Berhormat Senator Dato Haji Othman bin Abdullah supaya dalam rancangan pembangunan Universiti itu diadakan Fakulti Kedokteran atau Fakulti Perubatan dan Fakulti Undang-undang, maka sukacita memaklumkan bahawa kedua-dua fakulti ini memang telah dirancangan dalam perancangan program dan kursus yang disediakan di Universiti Islam Antarabangsa itu.

Ahli Yang Berhormat juga telah membuat teguran guru-guru sekolah menengah mengadakan disko dengan pelajar-pelajar wanita yang telah dewasa. Kementerian saya kurang pasti sama ada teguran itu berasaskan kepada kajian dan bukti yang beliau telah lihat diselidiki. Walau bagaimanapun, bagi pihak Kementerian saya, perbuatan seperti itu adalah dilarang sama sekali kerana bukan sahaja perbuatan tersebut menyalahi peraturan mengenai etika dan syarat kakitangan dan guru-guru tetapi juga menyalahi kehendak-kehendak Uagama Islam dan tidak sesuai dari segi norma dan nilai masyarakat negara ini dan profesion perguruan khususnya, Pihak Kementerian Pelajaran bersedia mengambil tindakan tatatertib sekiranya peristiwa yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat dapat diketengahkan dengan bukti-bukti yang nyatakan.

Selain daripada peristiwa itu, Ahli Yang Berhormat telah juga menimbulkan isu yang berkaitan dengan hukuman yang dikenakan

kepada pelajar-pelajar sekolah yang berbentuk sama ada dari segi memukul ataupun mencubit. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah mengedarkan peraturan mengenai hukuman merotan yang boleh dikenakan kepada murid-murid. Di antaranya, hukuman ini hanya boleh dijatuhkan oleh guru besar atau guru kanan atau guru disiplin yang diwakilnya bagi kes-kes tertentu atau kesalahan yang menasabah untuk hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, selain daripada merotan lain-lain bentuk pukulan atau hukuman adalah dilarang.

Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain telah menggesa Kerajaan mengambil daya utama untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh penuntut yang ingin belajar ataupun sedang belajar dalam jurusan undang-undang di United Kingdom kerana ada sekatan-sekatan terhadap pelajar kita yang mengikuti kursus tersebut di negara itu. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah dimaklumkan mengenai masalah itu dan telahpun berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi mencari jalan mengatasi masalah itu. Saya difahamkan juga bahawa pihak profesion juga telah berusaha ke arah ini.

Saya juga mengalu-alukan cadangan beliau supaya universiti-universiti tempatan mengadakan Fakulti Undang-undang, tetapi dalam hal ini Kementerian Pelajaran perlu mengkaji secara mendalam ataupun sedalam-dalamnya mengenai perkara ini kerana terdapat beberapa implikasi yang perlu dipertimbangkan secara seluas-luasnya.

Yang Berhormat itu juga menggesa supaya Kementerian Pelajaran mengambil daya utama menimbulkan semangat rajin belajar di kalangan pelajar sesuai dengan dasar pandang ke timur yang telah dianjurkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Dalam hal ini usaha Kerajaan meningkatkan mutu pencapaian pelajar-pelajar dalam serba bidang aktiviti mereka sama ada aktiviti akademik, gerak kerja luar, sukan dan lain-lain yang berkaitan dengan persekolahan adalah merupakan usaha-usaha untuk menanam sifat dan

semangat rajin belajar dan bekerja untuk mencapai productivity yang diciptakan oleh mereka dan negara.

Saya juga berterima kasih kepada beliau berhubung dengan cadangannya supaya Kementerian Pelajaran mengkaji semula sukatan pelajaran bagi Tingkatan IV. Sebenarnya Tingkatan IV adalah sebahagian daripada sistem Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran tidak dapat mengkaji semula sukatan pelajaran di Tingkatan IV secara berasingan dengan tingkatan-tingkatan lain di peringkat ini. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telahpun memulakan perancangan untuk memperbaiki program persekolahan di peringkat Sekolah Menengah secara keseluruhannya sebagai lanjutan kepada sistem sekolah yang berdasarkan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan selaras dengan perakuan 61 dan 62, Laporan Jawatankuasa Kabinet, mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Senator Kumaran mengenai guru-guru Tamil, hendaklah diberi peluang kenaikan pangkat. Tiap-tiap guru dan pegawai berpeluang untuk kenaikan pangkat asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat. Yang Berhormat Senator Kumaran juga telah menimbulkan isu yang berkaitan dengan jenis pegawai-pegawai yang mentadbirkan Kementerian Pelajaran dan beliau mencadangkan bahawa Kementerian Pelajaran ditadbirkan oleh pegawai-pegawai yang relevant, dengan izin.

Saya kurang faham dan kurang pasti dengan maksud dan pengertian "relevant" yang beliau gunakan, tetapi adalah dalam pengetahuan saya bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawab kepada mereka adalah pegawai-pegawai yang dipilih untuk berkhidmat di Kementerian Pelajaran kesemuanya relevant sebagai kakitangan yang menjalankan jentera pengurusan Kementerian ini. Beliau juga mencadangkan supaya buku panduan dan buku-buku sumber untuk KBSR yang di dalam Bahasa Malaysia

diterjemahkan di dalam Bahasa Tamil supaya dapat standard umum mengenai penggunaannya di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan buku-buku panduan dan buku-buku sumber adalah untuk kegunaan dan rujukan guru-guru yang telah faham dan boleh menggunakan Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak menghalang mana-mana pihak untuk menterjemahkan buku-buku tersebut dalam apa bahasa sekalipun. Dalam pada itu buku-buku panduan khas dan buku-buku sumber untuk kegunaan guru mengajar matapelajaran bahasa adalah diterbitkan dalam bahasa-bahasa berkenaan. Buku panduan khas dan buku sumber untuk pengajaran Bahasa Tamil misalnya adalah diterbitkan dalam Bahasa Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat penerbit-penerbit swasta telah mengusahakan penterjemahan bahan-bahan yang tersebut itu ke dalam Bahasa Cina dan Tamil

Yang Berhormat Senator Dato' Kam Woon Wah menimbulkan kebimbangan beliau mengenai dasar Kerajaan berhubung dengan pandang ke Timur, khususnya mengenai usaha menghantar pelajar-pelajar ke Timur sekiranya program ini tidak disesuaikan dengan keadaan di negara ini. Perlu saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian Pelajaran menyedari hakikat ini dan telah mengambil langkah-langkah yang perlu supaya penghantaran pelajar-pelajar kita ke negara tersebut untuk mengikuti kursus dan latihan di dalam bidang-bidang tertentu sama ada sains dan teknologi hanya untuk kemahiran-kemahiran yang ada berkaitan dengan keperluan-keperluan negara ini.

Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, Kementerian akan sentiasa mengkaji dan menilai kemajuan program ini untuk memastikan bahawa pelaburan kita dalam program ini akan mendatangkan hasil yang menguntungkan negara.

Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran telahpun merancang dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk membina sebanyak 47 buah sekolah vokesyenal secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keadaan kewangan negara untuk menampung keperluan-keperluan pada masa kini dan akan datang, kerana ini bersesuaian dengan kehendak perakuan 12 Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Latip bin Haji Dris kerana penghargaan beliau terhadap tindakan Kerajaan Persekutuan melaksanakan KBSR di Sarawak serta sokongan beliau mengenai peruntukan yang besar untuk pelaksanaan program-program Kementerian Pelajaran.

Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan masalah kewangan yang dihadapi oleh ibubapa untuk menyiapkan keperluan sekolah bagi anak-anak mereka di negeri Sarawak. Kementerian Pelajaran memang bersimpati dengan keadaan golongan ini, namun demikian setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada rancangan untuk memberi bantuan pakaian seragam kepada murid-murid yang datang dari keluarga miskin.

Berhubung dengan syor beliau supaya universiti keenam dibina di Sarawak, perlu saya jelaskan buat masa ini Kementerian saya masih mengkaji tentang pembinaan universiti tersebut, walau bagaimanapun syor Ahli Yang Berhormat akan juga dipertimbangkan.

Kementerian Pelajaran menyokong penuh pendirian Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil bin Mahmood yang menyatakan bahawa sistem pendidikan merupakan alat terpenting untuk melahirkan rakyat yang bersemangat, berdisiplin dan berdedikasi, namun demikian proses pendidikan bukan sahaja berlaku di dalam sekolah bahkan juga di luar sekolah. Sebaliknya usaha-usaha untuk menanamkan semangat dan nilai-nilai disiplin dan dedikasi sering juga tergugat oleh kerana beberapa gejala dan anasir-anasir yang berlaku dalam masyarakat umum yang

mempengaruhi nilai, norma, semangat dan disiplin yang ditanamkan kepada murid-murid di sekolah. Ada kalanya pengaruh-pengaruh luar ini lebih kuat daripada yang terdapat di sekolah. Keadaan dan anasir-anasir ini boleh menimbulkan masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar seperti contoh iklan minuman keras yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak akan lemah semangat untuk menghadapi cabaran-cabaran yang boleh mempengaruhi dedikasi dan disiplin pelajar-pelajar. Beberapa usaha dan strategi sentiasa difikir dan dirancangkan untuk meningkatkan semangat dedikasi dan mengurangkan masalah-masalah disiplin. Di antara strategi-strategi ini termasuklah penubuhan Unit Disiplin di Kementerian Pelajaran yang di antara lain bertujuan untuk menyediakan garis panduan-garis panduan tertentu berhubung dengan masalah disiplin.

Perlaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah secara yang lebih efektif dengan mengadakan guru-guru khas yang dilatih melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan. Peringkatan kecekapan Guru-guru Besar peringkat Sekolah Menengah dan Rendah dalam pengurusan sekolah dan penubuhan sistem pengurusan di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah yang tanggungjawabnya merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan meningkatkan semangat dedikasi pelajar-pelajar terhadap tanggungjawab pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sehingga inilah yang saya dapat jelas dan huraikan mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan isu-isu pelajaran.

Saya menyedari bahawa ada di antara isu-isu yang telah dibangkitkan tidak dapat saya jelaskan di dalam masa yang singkat dengan sepenuhnya, ini tidaklah bermakna saya tidak mengambil berat terhadap pandangan dan cadangan-cadangan yang diutarakan oleh mereka. Kementerian saya akan meneliti segala yang ditimbulkan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sebelum saya duduk, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

4.30 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman yang telah memberi pandangan, teguran dan pendapat terhadap Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja di pembukaan rasmi Parlimen baru-baru ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman dalam ucapannya telah menyentuh mengenai peranan jeti Melaka dan mencadangkan jeti tersebut diperbesarkan. Suka saya memaklumkan di sini bahawa peranan jeti Melaka adalah sebagai sebuah pelabuhan kecil yang akan memainkan fungsi serta peranan yang 'complementary' terhadap pelabuhan kita yang sedia ada di negara ini, khususnya pelabuhan yang berdekatan, iaitu Lembaga Pelabuhan Kelang. Berikutan dengan ini jumlah kapal-kapal yang akan singgah di jeti Tanjung Beruas tidaklah sebanyak jumlah kapal-kapal yang singgah di pelabuhan-pelabuhan lain. Di samping itu perlu juga dinyatakan di sini bahawa di Negeri Melaka sebenarnya terdapat dua tempat persinggahan bagi kapal-kapal, iaitu di Pelabuhan Melaka lama dan jeti Tanjung Beruas dan kapal-kapal adalah bebas untuk singgah di salah sebuah tempat tersebut di atas berdasarkan kepada kesesuaian kapal-kapal tersebut. Oleh kerana jeti Tanjung Beruas ini baru sahaja disiapkan pada 1979 adalah terlalu awal bagi memikirkannya untuk membesarkan jeti Tanjung Beruas ini.

Berhubung dengan cadangan supaya pentadbiran jeti tersebut diletakkan di bawah

pentadbiran Lembaga Pelabuhan Kelang, suka saya maklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah mengambil keputusan bagi meletakkan jeti tersebut di bawah pentadbiran Lembaga Pelabuhan Kelang menjelang awal bulan Januari, 1983.

Saranan bagi mendalamkan Pelabuhan Melaka lama akan dipertimbangkan dan seterusnya ditentukan oleh agensi baru yang akan mengambil alih pentadbiran jeti tersebut kelak.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat tak ada menjawab Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya persilakan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

4.32 ptg.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di sepanjang perbahasan atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11hb Oktober, 1982 terutamanya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad yang telah menyentuh mengenai harga bekalan tenaga yang kononnya telah menghalang perkembangan dan pertumbuhan industri di negara ini.

Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harga tenaga di negara ini adalah sebenarnya adil dan berpatutan. Adalah menjadi kebiasaannya di kalangan orang ramai untuk mengheboh-hebohkan harga petrol (gasoline) dengan tidak menyentuh tentang harga minyak tanah

(kerosene) dan diesel. Dalam hal ini saya ingin mengemukakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harga-harga bahan tenaga di negara Jepun, khususnya petrol adalah 50% lebih mahal daripada harga di negara kita, minyak tanah pula lebih 78% dan diesel lebih sebanyak 250%. Dasar harga tenaga negara adalah untuk menentukan supaya rakyat, terutama sekali rakyat yang berpendapatan rendah mendapat pembekalan bahan-bahan tenaga yang terjamin untuk memenuhi keperluan-keperluan yang asas seperti memasak, memasang lampu dan bahan api untuk penghidupan mereka, oleh sebab itu minyak tanah (kerosene) yang diperlukan untuk memasak dan memasang lampu telahpun disubsidisekan. Sebenarnya Kerajaan memberi subsidi lebih kurang dua pertiga daripada harga sebenar minyak tanah (kerosene). Pada hakikatnya diesel yang diperlukan untuk sektor-sektor perikanan dan pertanian juga diberi subsidi oleh Kerajaan. Oleh yang demikian adalah berpatutan bagi Kerajaan untuk mengenakan cukai ke atas pengeluaran-pengeluaran yang non-essential seperti petrol untuk membayar subsidi-subsidi tersebut.

Mengenai dasar kadar-kadar tarif untuk penjana kuasa elektrik, ianya adalah sama, iaitu untuk menentukan bahawa rakyat keseluruhannya mampu untuk membayar keperluan tenaga elektrik, akan tetapi para pengguna besar yang membazirkan patutlah dikenakan bayaran yang lebih. Selain dari objektif sosial, Kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan pembangunan perindustrian secara menasabah dengan menentukan bekalan elektrik yang mencukupi dan berterusan. Satu cara yang lain adalah dengan mengurangkan harga penjana kuasa elektrik. Apa yang menyebabkan penjana kuasa elektrik tinggi pada hari ini ialah oleh kerana 84% daripada jumlah penjana kuasa elektrik adalah berasaskan kepada petroleum. Dengan penekanan kepada projek-projek yang bercorak haidro dan dengan menggunakan gas asli serta arang batu adalah diharapkan harga penjana kuasa elektrik dalam erti kata sebenarnya akan turun dan di

sebaliknya akan menjadi catalyst kepada industrialisation.

Sebagai penutup, suka saya menyakinkan bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan semua Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya supaya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang diharapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya cuma mengingatkan kepada Kementerian-kementerian yang tidak dapat hadir meminta kepada Menteri yang lain untuk menjawabnya, tolonglah dihantarkan surat lebih awal kepada Setiausaha supaya dapat direkodkan. Dengan ini saya jemput Kementerian Pertanian.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian.

Saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris. Saya suka sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan memberi perhatian berat ke atas kemerosotan atau kejatuhan harga beberapa hasil pertanian, seperti koko dan sebagainya. Seperti yang termaklum, hasil koko ini bergantung kepada keutuhan pasaran dunia dan dalam keadaan sekarang petani-petani kita perlulah menerima hakikat ini dan memberi lebih perhatian di dalam meningkatkan lagi mutu hasil koko mereka supaya harga yang diperolehi lebih tinggi daripada keluaran negara lain.

Berhubung dengan cadangan menambahkan pengeluaran hasil padi pula, saya suka menekankan bahawa Kementerian Pertanian akan terus memulihkan tanah-tanah sawah terbiar yang sesuai dan ekonomik diusahakan dengan tanaman padi di samping menerokai kawasan-kawasan baru.

Di negeri Sarawak sebanyak 3 kawasan projek besar sedang dikaji untuk dilaksanakan iaitu Kalaka, Saribas Valley, 5,300 hektar; Limbang 20,000 hektar dan Samarahan 3,300 hektar. Mengikut penilaian awal kawasan-kawasan ini didapati sesuai untuk tanaman padi. Kerja-kerja kajian lanjut sedang dijalankan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Kementerian Perusahaan Utama; Kementerian Kesihatan; Kementerian Kewangan; Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan ini di mana bersabit dengan tanggungjawab dan peranan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad telah menyentuh tentang masalah-masalah mengenai perusahaan-perusahaan kecil dan beliau telah menyarankan bagi pihak Lembaga Perindustrian Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif dan positif lagi dalam membangunkan sektor perusahaan kecil ini. Ahli Yang Berhormat tersebut telah mencadangkan supaya Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (LKPM) mengambil alih peranan yang biasanya dimainkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu dalam menyediakan tapak-tapak bagi industri kecil-kecilan dan diagihkan tapak-tapak ini ke kawasan-kawasan yang miskin sejajar dengan Rancangan Malaysia Keempat.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa pembangunan kawasan perindustrian merupakan satu tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang menyedari bahawa masalah tapak yang sesuai bagi perusahaan-perusahaan kecil merupakan satu masalah yang penting yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan kecil terutamanya di kawasan-kawasan penguasa tempatan dan juga di bandar-bandar besar dan masalahnya ialah oleh kerana satu ciri yang penting bagi perusahaan-perusahaan kecil ini ialah perusahaan-perusahaan kecil haruslah dekat dan hampir dengan pasaran-pasarannya. Maka agak susah bagi diagihkan hampir sebahagian besar daripada perusahaan-perusahaan kecil di kawasan-kawasan kurang maju kerana di kawasan-kawasan kurang maju ini agak jauh daripada pasaran yang dibekalkan oleh perusahaan-perusahaan kecil di negara kita. Tetapi dengan galakan kepada pengagihan industri-industri besar ke kawasan-kawasan kurang maju, industri-industri kecil dapat juga diwujudkan bagi menyambut peluang-peluang yang terbuka dengan terletaknya perusahaan-perusahaan kecil di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Selaras dengan Dasar Perindustrian Negara ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah berjaya untuk mengagihkan pembangunan perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju dan tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan maju seperti Kuala Lumpur ataupun di negeri Selangor.

Kerajaan juga telahpun menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyediakan lebih banyak lagi tapak-tapak bagi perusahaan-perusahaan kecil dan usaha ini pada hari ini sudah mula dapat dilihat di setengah-setengah negeri. Tetapi satu aspek yang perlu diberikan perhatian yang berat ialah mengenai kos dan harga perindustrian yang begitu tinggi di setengah-setengah negeri kerana kalaulah tujuannya bagi menyediakan tapak-tapak perindustrian bagi perusahaan-perusahaan kecil, haruslah tapak-tapak ini dijual dengan harga yang berpatutan sesuai dengan kemampuan industri-industri kecil.

Sementara itu Kerajaan juga sedang merancang untuk mengadakan satu pendekatan yang bersepadu bagi memberikan bantuan-bantuan asas yang diperlukan oleh pengusaha-pengusaha kecil di mana elemen-elemen yang melibatkan soal-soal kewangan, teknik dan teknologi, pengurusan dan latihan serta pemasaran akan diberikan tekanan yang sama berat.

Walau bagaimanapun, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ada menjalankan kajian-kajian ke atas sektor industri-industri kecil dan kajian-kajian ini adalah diberikan secara percuma kepada pengusaha-pengusaha bumiputra dan juga Dewan-dewan Perdagangan dan Perindustrian Melayu di peringkat negeri dan projek-projek perindustrian yang bersaiz kecil juga diberikan pertimbangan untuk mendapatkan galakan daripada Kerajaan.

Yang Berhormat Senator tersebut juga telah membangkitkan dasar perusahaan supaya dirangka dengan memberi keutamaan kepada industri-industri kecil bagi persediaan 10 tahun yang akan datang untuk membendung inflasi dan memperbaiki kedudukan ekonomi negara. Dalam hubungan ini sukacita saya nyatakan bahawa polisi perindustrian di negara ini mengakui kepentingan sektor industri kecil dan penekanan yang sewajarnya adalah diberikan ke atas sektor ini bagi mempercepatkan pembangunannya. Bahagian Perusahaan Kecil telah ditubuhkan di Kementerian saya untuk meneliti program-program bagi pembangunan perusahaan-perusahaan kecil. Pada waktu yang sama juga, MIDA sedang berhubung rapat dengan Bahagian-bahagian di Kementerian saya untuk mengenal pasti projek-projek bersaiz kecil dalam industri-industri sokongan dan sampingan serta menyediakan galakan-galakan yang khusus untuk industri-industri kecil.

Di samping itu juga sebuah Pelan Induk perindustrian negara sedang dalam peringkat kajian dan Pelan Induk ini dijangka akan siap pada tahun 1985. Seramai 3 orang pakar UNIDO telah ditempatkan di LKPM dan juga di Kementerian saya untuk membantu penyelidikan Pelan Induk ini dan perusahaan

kecil serta peranannya akan diambil kira dalam penggubalan Pelan Induk ini. Salah satu daripada pakar UNIDO itu adalah khusus untuk pembangunan perusahaan kecil dan industri sampingan di negara ini.

Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun telah mencadangkan supaya dalam keadaan kemelesetan pada masa ini Kerajaan perlu mengkaji bayaran-bayaran permit dan lesen-lesen perniagaan untuk menambahkan hasil kutipan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji kadar bayaran ataupun fees bagi pengeluaran permit-permit dan lesen-lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh Kementerian saya. Walau bagaimanapun pengubahsuaian kadar-kadar ini perlulah ditimbang dengan teliti supaya ianya tidak akan membebaskan sangat peniaga-peniaga dan juga pengguna-pengguna atau pengeksport-pengeksport barang-barang Malaysia.

Yang Berhormat Datin tersebut juga telah membangkitkan masalah kenaikan harga barang-barang keperluan di masa kemelesetan dan telah mencadangkan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian berkenaan untuk mengurangkan beban penduduk miskin terutamanya di luar bandar. Di dalam masalah tersebut, Kerajaan sedar bahawa pada masa ini barang-barang dagangan di negara memang meningkat harganya tetapi di samping itu Kerajaan sentiasa mengambil tindakan untuk menentukan bahawa harga barang-barang keperluan tidak meningkat harganya ke suatu paras yang membebaskan rakyat. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil tindakan untuk menentukan bahawa sebelum sebarang kenaikan harga barang-barang keperluan asas dilakukan, syarikat-syarikat yang terlibat terlebih dahulu dihendaki merujukan perkara ini kepada Kementerian saya untuk membolehkan kajian dibuat bagi menentukan sama ada harga yang diminta betul-betul perlu dan berasas. Kerajaan tidak menentukan paras harga semua barang-barang di negara ini tetapi membuat perhatian ke atas barang-barang yang disifatkan sebagai barang-barang keperluan

harian seperti gula, tepong gandum, minyak tanah, simen dan lain-lain. Barang-barang ini bukan sahaja ditentukan harganya secara pentadbiran bahkan juga dikenakan kawalan dari segi bekalannya bagi tujuan untuk menentukan bahawa bekalan barang-barang ini di pasaran sentiasa ada dan boleh diperolehi.

Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah membangkitkan harga pasaran dunia untuk gula telah jatuh tetapi harga runcit gula masih tinggi di Malaysia. Ini menurut Ahli Yang Berhormat tersebut lebih menguntungkan orang tengah dan merugikan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat harga gula bertapis di negara ini tidaklah semata-mata bergantung kepada gula dunia tetapi adalah berasaskan 3 faktor utama:

- (1) Harga gula mentah di bawah kontrak-kontrak jangka panjang;
- (2) Harga gula mentah yang diimport dari pasaran dunia; dan
- (3) Kos pengeluaran dan peredaran gula oleh syarikat-syarikat gula tempatan.

Ladang-ladang tebu tempatan hanya mengeluarkan lebih kurang 10% daripada keperluan negara. Dengan itu 90% daripada keperluan negara terpaksa diimport. Sekiranya semua gula yang dibeli dari pasaran dunia, harga runcit gula tempatan akan berubah mengikut turun naik (fluctuation) harga gula di pasaran dunia.

Mulai tahun 1975, kontrak-kontrak jangka panjang dengan Australia dan Fiji telah ditandatangani untuk mendapatkan bekalan gula mentah yang mencukupi untuk keperluan negara dan juga untuk menstabilkan harga. Ini dibuktikan semasa harga dunia melambung tinggi iaitu dalam lingkungan \$2.05 hingga \$2.56 sekilogram dalam tempoh bulan Oktober, 1980 hingga Jun 1981, tetapi harga runcit gula di negara dapat dikekalkan dalam paras \$1.24 kepada \$1.40 sekilogram. Dengan mendapatkan gula mentah dari dua punca utama, iaitu melalui kontrak-kontrak jangka panjang dan dari pasaran bebas, harga gula bertapis dalam

negara telah dapat distabilkan. Dengan itu harga gula bertapis dalam negeri tidaklah mengikut sepenuhnya "trend" turunkan harga gula mentah di pasaran dunia.

Kekesanan penurunan dan kenaikan harga gula dunia ke atas harga runcit gula bertapis dalam negara adalah bergantung kepada bahagian (portion) gula mentah yang dapat diimport dari pasaran dunia. Ini adalah kerana jumlah gula mentah yang terpaksa diimport melalui kontrak jangka panjang adalah tetap. Jumlah gula mentah yang diimport dari pasaran dunia bergantung pula kepada anggaran penggunaan gula mentah di dalam negeri setelah ditolak pengeluaran gula mentah dari ladang-ladang tebu tempatan, gula mentah di bawah kontrak jangka panjang dan stok gula mentah di syarikat-syarikat gula tempatan.

Penggunaan gula mentah dalam tahun 1980 ialah lebih kurang 495,483 tan metrik iaitu tambahan sebanyak 7.4% daripada penggunaan pada tahun 1979. Penggunaan bagi tahun 1981 pula telah dianggarkan bertambah sebanyak 10% kepada 547,000 tan metrik. Berasaskan kepada itu, import dari pasaran dunia diluluskan sebanyak 126,000 tan metrik iaitu 23% daripada anggaran penggunaan. Akan tetapi penggunaan sebenar di dalam tahun 1981 telah turun sebanyak 8.35% kepada 454,095 tan metrik. Ini mengakibatkan stok gula yang berlebihan di akhir tahun 1981 dan stok ini terpaksa dibawa kepada tahun 1982.

Bagi tahun 1982 pula, penggunaan dianggarkan 528,000 tan metrik tetapi oleh kerana stok berlebihan dari tahun 1981 yang dianggarkan sebanyak 99,000 tan metrik, gula mentah yang dapat diimport dari pasaran dunia hanyalah 18,000 tan metrik, iaitu hanya 3.5% daripada anggaran penggunaan.

Oleh yang demikian, harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 adalah berasaskan pada sebahagian besarnya kepada harga gula mentah yang tinggi di bawah kontrak-kontrak jangka panjang dan juga harga gula mentah yang diperolehi dari pasaran dunia semasa harganya masih tinggi. Oleh kerana itulah

harga runcit gula tempatan bagi tahun 1982 tidak dapat diturunkan sepenuhnya mengikut paras harga yang rendah di pasaran dunia pada masa ini, oleh kerana penggunaan had gula yang diimport daripada pasaran dunia dalam tahun 1982 hanya 3.5% daripada jumlah penggunaan dalam negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dapat menurunkan harga gula bertapis dalam negara sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Januari, 1981 dari \$1.74 kepada \$1.55 sekilogram dan dari \$1.55 sekilogram kepada \$1.40 sekilogram pada 9hb Januari, 1982.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengikut arah aliran harga gula di pasaran dunia dan jika didapati perlu dan menasabah harga gula bertapis di dalam negeri akan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk menjawab segala pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli yang Berhormat semasa membahaskan Titah Ucapan dalam dua tiga hari yang lalu tetapi memadailah bagi saya menyatakan bahawa pandangan-pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu telahpun diambil perhatian oleh Kementerian saya dan akan ditimbang bagi perlaksanaan kiranya didapati bersesuaian dengan keadaan dan kehendak masa. Saya inginlah mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersusah payah membahaskan tentang perkara-perkara di bawah jagaan dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mengingatkan kepada Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri yang hendak menjawab bagi pihak Kementerian yang lain daripada Kementerian mereka supaya dapat memberi tahu terlebih dahulu kepada saya. Selain daripada itu pada masa Menteri menjawab atau Timbalan Menteri yang berkenaan tidak payah duduk, kemudian hendak bangun lagi sekali. Jika sekiranya ia telah duduk, hendak bangun lagi sekali maknanya ini ia tidak berhak bercakap pada

kali yang kedua. Ini ingatan yang ikhlas sahaja. Maka dengan ini, saya jemput Kementerian Kesihatan.

5.04 *ptg.*

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyampaikan ucapan terima kasih Kementerian Kesihatan di atas beberapa hujah dan cadangan yang telah dibawa oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membahaskan Titah Di Raja dalam dua tiga hari yang lalu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit dalam konteks langkah-langkah jimat-cermat. Yang Berhormat Tuan Kenneth Kyanan anak Temenggong Koh, Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon dan juga Yang Berhormat Senator M. K. Muthusamy telah menyentuh perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah berjimat-cermat berikutan dengan pengurangan Belanjawan Kementerian pada tahun 1983, sebanyak 24%. Tetapi saya dapat mengatakan bahawa Kementerian akan terus berusaha dan telah membuat segala penyediaan yang wajar bagi menentukan bahawa mutu perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian tidaklah terjejas.

Mengenai ubat-ubat yang dikatakan tidak terdapat di Hospital Kerajaan, saya rasa ada sedikit kekeliruan dalam perkara ini. Kementerian telah membincangkan dengan pakar-pakar perubatan untuk mengadakan satu standard list ubat-ubat yang dibekalkan di hospital dan klinik Kerajaan. Senarai ini adalah satu yang lengkap dan mempunyai "a range of drugs" bagi setiap jenis penyakit. Pakar-pakar berpendapat bahawa senarai ini cukup untuk merawat semua penyakit yang biasa dirawat di hospital-hospital kita. Seumpamanya, terdapat 3 jenis ubat biji untuk merawat diabetes dalam standard list ini selain daripada suntikan insulin. Pendapat pakar-pakar kita ialah bahawa ini mencukupi bagi merawat diabetes.

Juga projek projek pembinaan di Hospital Besar Melaka termasuklah Poliklinik yang baru, membaiki Dewan Bedah, membina satu nursery yang baru, dan membaiki

jiwa di Hospital Daerah Muar. Adalah benar bahawa dengan pengurangan belanjawan Kementerian, langkah-langkah telah diambil bagi mengawal peralihan dan

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, sukacitalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai berbagai persoalan dan isu di bawah bidangkuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, memberi penerangan dan penjelasan kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh di dalam ucapannya telah menyuarakan kebimbangannya mengenai ancaman lanun di perairan Malaysia yang pada pendapat beliau masih membahayakan. Beliau seterusnya menyatakan bahawa walaupun tidak ada lanun-lanun yang ditangkap ini tidak bererti bahawa perairan kita adalah selamat ataupun bebas daripada lanun-lanun. Bagi mengatasi masalah ini beliau menggesa supaya Pasukan Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Polis Merin meningkatkan kawalannya masing-masing di perairan Malaysia. Kerajaan menyedari wujudnya kegiatan-kegiatan lanun di perairan Malaysia memandangkan kita mempunyai kawasan pantai yang sangat panjang. Kawasan pantai yang panjang ini menyebabkan kawalan yang berkesan tidak dapat dikendalikan pada tiap masa seperti yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada masalah ini dan segala langkah diambil untuk meningkatkan kemampuan Pasukan Polis Merin bagi mengadakan kawalan-kawalan yang lebih berkesan dari masa ke semasa. Salah satu daripada langkah-langkah tersebut ialah rancangan membina bot-bot ronda yang laju untuk Pasukan Polis Merin. Dalam tahun 1981 hingga 1982 ini sejumlah 12 buah bot laju jenis PZ telah dibina dan dilancarkan, sementara 3 buah lagi adalah di dalam pembinaan. Adalah diharapkan dengan bertambahnya bot-bot ronda laju ini maka Pasukan Polis Merin akan menambahkan lagi kemampuannya untuk mengadakan kawalan dan rondaannya berkenaan di perairan negara kita. Di antara itu Tentera Udara yang melaksanakan bagi peningkatan tahap kawalan kita.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain memita supaya Kerajaan mengkaji semula pengharaman atas kemasukan dan penayangan yang dikenakan ke atas sebuah filem asing yang mengisahkan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. dan sejarah kebangkitan agama Islam. Mengikut Ahli Yang Berhormat itu filem tersebut telahpun ditayangkan di setengah-setengah negara termasuklah di tanah Arab dan oleh itu pada pendapat beliau tidak seharusnya diharamkan tayangannya di Malaysia lebih-lebih lagi memandangkan nilai pengetahuan mengenai agama Islam yang boleh memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari semua keturunan dan agama. Beliau juga ingin mengetahui pihak mana mempunyai kuasa meluluskan filem-filem serupa ini iaitu sama ada Lembaga Penapis Filem atau Majlis Agama Islam.

Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan bahawa sebelum filem yang berkenaan dibawa ke negara ini pihak Kementerian saya telahpun menerima satu perutusan daripada Urusetia Pertubuhan Negara-negara Islam dengan nasihat supaya filem yang berkenaan tidak ditayangkan kepada umum di negara ini oleh kerana ianya mengandungi banyak adegan-adegan yang tidak mencerminkan keadaan yang sebenar. Walau bagaimanapun, apabila pihak Kementerian telah menerima perundangan daripada pengedar filem tersebut untuk menayangkan filem yang berkenaan di negara ini maka pihak Kementerian telah merujukkannya kepada Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri.

Perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis telah memutuskan supaya filem yang berkenaan tidak sesuai ditayangkan kepada umum di negara ini oleh kerana filem itu mengandungi banyak adegan-adegan yang tidak selaras dengan kehendak agama Islam yang maha suci. Pandangan Majlis Hal Ehwal Agama Islam mengenai perkara tersebut disampaikan kepada pihak Kementerian saya melalui Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Lembaga Penapis Filem setelah menapis filem yang berkenaan membuat keputusan sejajar dengan pandangan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam itu. Keputusan tersebut dibuat memandangkan bahawa pihak Lembaga Penapis Filem telah memberi pertimbangan yang serius terhadap pandangan yang diberikan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh telah menyatakan sokongannya dan seterusnya menekankan betapa pentingnya Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dalam mewujudkan serta memelihara keselamatan negara. Beliau seterusnya menyuarakan harapan supaya rakyat yang cintakan negara ini memberikan sokongan yang penuh kepada usaha-usaha Kerajaan dalam menumpas dan membenteras musuh-musuh dan anasir-anasir yang tidak diingini. Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Senator Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh dan saya mengalu-alukan sokongan beliau terhadap setiap langkah Kerajaan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam negara ini.

Dalam hubungan ini, sukalah saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa sedar akan ancaman-ancaman kepada keselamatan negara yang ditimbulkan oleh anasir-anasir komunis militan dan juga subversif yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang telah dipilih secara sah oleh rakyat negara ini dengan secara kekerasan. Maka dengan sebab inilah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan beberapa peraturan perlu telah digubal oleh Kerajaan bagi membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua sedia maklum, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah merupakan tonggak dan asas yang kukuh dalam mempertahankan kemerdekaan dan kesejahteraan negara Malaysia yang kita cintai ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sudah maklum bahawa melalui berbagai-bagai langkah tegas yang diambil oleh pihak Kerajaan termasuklah berbagai tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan juga di bawah Peraturan-peraturan Perlu yang berkenaan maka Kerajaan telah dapat dan telah berjaya mewujudkan, memelihara dan mengekalkan keamanan dalam negara ini sejak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sehinggalah ke saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah telah menyentuh tentang adanya golongan-golongan tertentu yang menggunakan isu ugama bagi kepentingan-kepentingan diri sendiri. Beliau mengingatkan bahawa isu ugama ialah isu yang sensitif yang boleh mengakibatkan perpecahan masyarakat dan menggugat keselamatan negara sekiranya disalahgunakan.

Kepada Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa ada pihak-pihak yang menggunakan isu ugama sebagai alat untuk mencapai kepentingan diri sendiri. Kementerian saya juga sedar bahawa sekiranya penyalahgunaan isu yang sangat sensitif ini tidak dibenteras dengan berkesan maka ianya akan mengakibatkan perpecahan masyarakat negara ini dan seterusnya akan turut menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini. Pada mereka yang terlibat dengan kegiatan yang merbahaya ini, sukalah saya mengingatkan bahawa barang siapa yang menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara dan didapati bersalah maka akan dikenakan hukuman-hukuman yang setimpal dengan peruntukan di dalam undang-undang yang berkenaan.

Di samping itu sukalah saya menyatakan bahawa tindakan dari segi undang-undang semata-mata adalah sebenarnya tidak mencukupi untuk membenteras kegiatan golongan-golongan tertentu yang sangat ghairah memainkan isu-isu yang sensitif bagi mencapai apa-apa juga kepentingan diri

sendiri. Semua para pemimpin dan umat Islam negara ini mempunyai peranan masing-masing untuk memastikan kegiatan golongan kecil rakyat yang terlibat dengan kegiatan yang keji ini dapat dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator R. M. Jasni dalam ucapannya telah menyentuh tentang adanya Skim Perkhidmatan dan gaji di antara Unit Pengakap Sempadan (Border Scouts) di Sabah dengan Pasukan Polis Hutan sedangkan tugas mereka adalah sama pentingnya.

Kepada Yang Berhormat itu, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan sedar bahawa Unit Pengakap Sempadan belum lagi mempunyai sesuatu Skim Perkhidmatannya sendiri. Ini disebabkan anggota-anggota Pengakap Sempadan bukanlah merupakan Anggota-anggota Polis biasa (Regular Police Constables) dan buat masa ini taraf mereka adalah sebagai Polis Tambahan (Extra Police Constables). Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sedang meneliti perkara ini dengan tujuan memperbaiki lagi kedudukan Anggota-anggota Polis Tambahan yang mana Unit Pengakap Sempadan ini adalah satu daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Abdullah dalam ucapannya telah menggesa supaya Kerajaan membesarkan Pasukan RELA dan anggota-anggota serta dibekalkan dengan senjata-senjata yang lebih moden dan tidak setakat senapang patah sahaja. Sebagai menjelaskan teguran Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa satu penjelasan yang panjang lebar mengenai asas dan konsep baru dalam pentadbiran Pasukan RELA di Malaysia seperti yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah dihuraikan tidak berapa lama dahulu. Di dalam penjelasan tersebut pihak Kerajaan telah menekankan bahawa apa yang dipentingkan ialah bukan

sahaja kuantiti ataupun bilangan anggota-anggota RELA, bahkan yang lebih dititikberatkan ialah kualiti Pasukan RELA itu sendiri.

Telah juga dinyatakan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji bagi memastikan apakah angka atau bilangan anggota RELA yang diperlukan untuk memenuhi tugas-tugas dan tanggungjawab RELA yang mana disifatkan sebagai serampang dua mata. Dalam hubungan ini, sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya adalah dalam proses melaksanakan urusan pendaftaran semula ahli-ahli RELA di seluruh negara yang mana bilangan keseluruhannya melebihi 350,000 orang. Pilot project pendaftaran semula ini yang telah dilaksanakan di Daerah Tumpat, Kelantan telahpun selesai diselenggarakan dan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi daripada pilot project tersebut maka urusan pendaftaran semula anggota-anggota RELA di seluruh negara akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah selesai urusan pendaftaran semula tersebut kelak, Kerajaan akan memperkemas lagi jentera pentadbiran Pasukan RELA Malaysia dengan harapan Pasukan RELA dapat dibimbing ke arah pencapaian matlamat-matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di bawah konsep serampang dua mata.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan syor-syor dan pandangan-pandangan mengenai beberapa perkara di bawah Kementerian saya. Saya ingin memberi jaminan bahawa mana-mana perkara yang tidak dapat saya sentuh dalam ucapan saya ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Jabatan Perdana Menteri iaitu Menteri Pertahanan.

5.28 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah Kementerian Pertahanan.

Saya mengambil kesempatan untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pertahanan bahawa beberapa pertanyaan-pertanyaan, teguran dan syor-syor dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian dan mengemukakan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pertahanan, maka terlebih dahulu diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah kerana telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator di antara lain telah menyentuh tentang masalah perumahan tentera serta mengemukakan cadangan-cadangan supaya lebih banyak quarters dibina sejajar dengan perkembangan Angkatan Tentera, juga beliau mengarahkan supaya diadakan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan badan-badan berkanun yang lain untuk membolehkan anggota-anggota tentera menyewa rumah dengan kadar yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, di atas cadangan dari Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Pertahanan mengucapkan terima kasih. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, rancangan perkembangan istimewa angkatan tentera telah dilancarkan pada akhir tahun 1979 telah melipatgandakan lagi pertambahan anggota-anggota tentera kita di dalam masa yang singkat sahaja dan perkembangan ini memang tidak sejajar dengan pembinaan rumah-rumah kediaman untuk anggota-anggota tersebut. Masalah ini

timbul adalah kerana pembinaan bangunan-bangunan untuk kediaman anggota-anggota tentera memerlukan masa yang agak panjang bagi merancang dan melaksanakannya. Merancang ialah bermula dengan mencari tapak yang sesuai dari Kerajaan-kerajaan negeri sehinggalah mengeluarkan tender kepada kontraktor. Secara kasar saya menerangkan di Dewan yang mulia ini untuk mengadakan 1,000 buah quarters berbagai jenis memerlukan 5-7 tahun di mana 2-3 tahun untuk merancang dan 3-4 tahun untuk membina. Oleh kerana inilah Kerajaan menggunakan projek, 'turnkey' yang boleh menyiapkan projek yang serupa dalam tempoh 3-3½ tahun satu tahun merancang dan 2-2½ tahun untuk membina. Malangnya sistem ini agak mahal sedikit dan perlukan 'cash flow' yang banyak di dalam tempoh yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan memang memandang berat ke atas masalah kekurangan rumah kediaman ini dan berbagai-bagai langkah dan usaha sedang giat dijalankan bersama agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Kementerian Tanah dan Galian dan Jabatan Perdana Menteri melalui satu jawatankuasa bertindak yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pasukan Petugas bagi Kemudahan Perumahan dan Tanah Angkatan Tentera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, setiap anggota angkatan tentera yang berkahwin yang tidak mendapat quarters telah diberi elaun sewa rumah mengikut kadar pangkat masing-masing.

Ahli Yang Berhormat Senator itu juga menyarankan supaya ketiga-tiga angkatan tentera kita diperbesarkan lagi terutama angkatan tentera laut. Sebagaimana yang pernah diterangkan oleh pihak Kementerian Pertahanan rancangan pembesaran angkatan tentera memang dilaksanakan berasaskan kepada kemampuan ekonomi negara dan kajian dan pandangan jauh negara terhadap pergolakan politik dunia sekarang. Di dalam rancangannya Tentera Laut Di-Raja Malaysia (TLDM) turut diperbesarkan dan

dipermodenkan lagi baik dari segi alat persenjataan serta kapal-kapal yang lebih moden. Kapal-kapal lama yang sedang digunakan sekarang akan diganti dan diubahsuaikan dengan alat-alat moden agar ianya benar-benar berkemampuan menjaga persisiran laut Malaysia dari ancaman luar selain daripada melaksanakan tugas harian di dalam mengawasi keselamatan pantai Malaysia dari sebarang pencerobohan pihak TLDM juga sentiasa mengadakan latihan-latihan profesional sama ada di laut ataupun di darat di dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan dari yang ada sekarang.

Beliau juga telah membangkitkan masalah kesukaran untuk mendapat pekerjaan oleh bekas-bekas tentera apabila tamat perkhidmatan mereka. Sebagaimana yang pernah diterangkan berulang kali di Dewan yang mulia ini iaitu pihak Kementerian tidak pernah mengabaikan jasa-jasa tentera terhadap perkhidmatan mereka di dalam menjaga keamanan tanahair, justeru itulah Kementerian Pertahanan telah mengadakan satu sistem untuk bakal-bakal pesara yang dikenali dengan sistem latihan peralihan. Sistem ini diwujudkan semata-mata untuk membantu angkatan tentera yang akan bersara setelah tamat perkhidmatannya untuk kembali menjalani kehidupan sebagai orang awam. Latihan yang berjalan sekarang ini masih lagi diamalkan di mana anggota tentera dihantar untuk menerima latihan dari berbagai agensi Kerajaan dan swasta dalam salah satu dalam empat bidang yang terbesar iaitu vokasional, perniagaan, pertanian dan belajar sambil bekerja. Anggota-anggota yang peralihan ini adalah digalakkan untuk memilik di dalam bidang vokasional atau ketukangan kerana kemahiran seperti itu bukan sahaja dapat pasaran yang baik tetapi juga dapat menampung keperluan tenaga kerja mahir di sektor perindustrian. Kementerian ini juga telah memperkenalkan kursus kesedaranusahawan dan kursus pembinaan melalui usaha-usaha kepada anggota-anggota yang berminat untuk menceburkan diri di dalam lapangan perniagaan. Ini adalah merupakan satu strategi Kementerian ini untuk menggalakkan pandangan-pandangan bekas-

bekas perajurit dari hanya bertumpu kepada kerja-kerja makan gaji kepada kerja-kerja di dalam sektor perniagaan dan bekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim Abdullah telah menyentuh pemotongan peruntukan untuk Kementerian Pertahanan. Memang benar peruntukan Kementerian Pertahanan untuk tahun 1982 telah dikurangkan sebanyak \$86 juta daripada Anggaran Belanja Mengurus dan \$800 juta dari peruntukan Pembangunan. Pemotongan ini telah dibuat selaras dengan dasar Kerajaan untuk berjimat cermat dan ianya tidak akan menjejaskan keselamatan negara kita dari segi pertahanan dan saya percaya pemotongan ini dibuat oleh Kerajaan bukan secara sewenang-wenangnya tetapi setelah kajian yang teliti sebelum keputusan itu diambil.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah juga telah membangkitkan perlunya negara ini mempunyai dasar pertahanan negara. Sebagaimana yang pernah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan di dalam ucapan menggulung di Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu Malaysia memang mempunyai dasar pertahanan yang tertentu dan strategi yang tertentu. Berasaskan dasar dan strategi itulah pembangunan pertahanan dirancangkan dan belanjawan-belanjawan pertahanan disediakan. Ulasan yang panjang lebar tentang dasar pertahanan kita telah disiarkan di dalam akhbar tempatan baru-baru ini.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, jawapan-jawapan kepada pertanyaan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan dan kepada perkara-perkara yang tidak sempat disentuh dalam jawapan ini, pihak Kementerian ini akan memberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Terutama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian mengemukakan pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara bawah Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja selama tiga hari yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh berbagai perkara termasuklah perpaduan, usaha-usaha menambahkan kecekapan jentera Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menunjukkan perhatian yang berat bagi meninggikan syiar Islam dan meminta penjelasan berbangkit dari Titah Ucapan Di Raja serta membuat syor-syor yang tertentu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bercakap mengenai Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah dan ada antara Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut telah menunjukkan keraguan bahawa konsep itu tidak dipraktikkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi keazaman Kerajaan untuk mewujudkan Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah. Usaha Kerajaan ini dapat dilihat hasilnya di mana tindakan-tindakan Badan Pencegah Rasuah telah menunjukkan hasil dan kesannya. Usaha-usaha menambahkan lagi kecekapan Jabatan-jabatan Kerajaan sentiasa dijalankan terutama dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai misalnya dengan pelancaran sistem pembayaran bil setempat.

Mengenai Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah ini, Yang Berhormat Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah telah mengesyorkan supaya kakitangan Kerajaan bersama-sama memainkan peranan dengan ahli-ahli politik. Di dalam soal ini suka dinyatakan bahawa kakitangan Kerajaan sememangnya sentiasa bekerjasama dengan ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin untuk mewujudkan Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah. Bagi pihak kakitangan Kerajaan sendiri konsep ini adalah merupakan sebahagian daripada etika kerja

yang ditetapkan kepada mereka, mereka yang melanggar etika kerja yang ditetapkan ini boleh diambil tindakan tatatertib.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran mencadangkan supaya Kementerian-kementerian ditadbirkan oleh kalangan professional di dalam bidang tertentu. Mengenai hal ini suka dinyatakan bahawa dasar mengenai peraturan organisasi dan pentadbiran Kementerian-kementerian telahpun ditentukan di dalam Pekeliling Am Bil. 1/1971. Di bawah arahan organisasi Kementerian-kementerian yang tersebut itu sistem pentadbiran di Kementerian-kementerian bolehlah diringkaskan sebagai mengandungi satu bahagian yang diketuai oleh Pegawai Pentadbir yang bertanggungjawab dengan pentadbiran Kementerian dan bahagian-bahagian professional yang bertanggungjawab dengan operasi Jabatan. Ibupejabat Kementerian menghendaki mengarah dan menyelaraskan program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian supaya objektif dan dasar Kementerian dan Kerajaan akan tercapai pada masa tertentu dan dengan perbelanjaan yang sedikit. Pada amnya tugas-tugas yang sedemikian lebih bersesuaian dengan pengalaman-pengalaman dan latihan-latihan pegawai tadbir.

Bagi jawatan-jawatan teknikal dan professional ia adalah sentiasa diketuai oleh pegawai teknikal dan professional dan setahu saya tiada rancangan dibuat untuk menggantikan mana-mana jawatan Ketua Bahagian Teknikal dan Professional dengan pegawai bukan professional, sebaliknya pertimbangan diberi untuk mengutamakan pengisian jawatan professional dengan pegawai-pegawai professional dan jawatan pentadbir oleh pegawai-pegawai pentadbir, oleh kerana penggunaan pegawai-pegawai professional bagi menjalankan tugas-tugas pentadbiran adalah merugikan kepakaran mereka di dalam bidang professional mereka itu sendiri.

Mengenai perkara pencen yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmoud Salim, suka

dinyatakan bahawa mengikut Undang-undang Pencen yang sedia ada hanya seorang pekerja yang dilantik secara tetap, disahkan di dalam jawatan dan diberi taraf berpencen sahaja akan layak dikurniakan kaedah persaraan iaitu ganjaran dan pencen apabila mereka bersara.

Kakitangan Rancangan Tanah Pinggir Negeri Trengganu adalah kakitangan Kerajaan Negeri. Mereka itu adalah dilantik secara sementara dan oleh yang demikian tidak memperolehi taraf pekerja berpencen dan seterusnya tidak layak mendapat apa-apa faedah persaraan. Walau bagaimanapun adalah difahamkan bahawa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Trengganu sudah mengkaji kedudukan kakitangan Rancangan Tanah Pinggir Negeri Trengganu dengan tujuan menyerapkan mereka ke dalam jawatan tetap supaya layak dikurniakan faedah saraan apabila bersara nanti.

Suka juga dijelaskan bahawa bagi kes yang dibangkitkan, besar kemungkinan pekerja berkenaan telah mendapat keseluruhan kredit Kumpulanwang Simpanan Pekerja kakitangan bersara. Jabatan Perkhidmatan Awam bersedia menyasat kes tersebut sekiranya diberi butir-butir yang lebih lanjut.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah pula telah menyatakan bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan janganlah memandangkan sepi peranan akhbar sebagai satu saluran bagi rakyat mengemukakan aduan dan perasaan tidak puas hati mereka terhadap mutu perkhidmatan setengah-setengah pihak. Bagi menjawabnya, suka dinyatakan bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan sememangnya sentiasa memberi perhatian menyasat, mengambil tindakan sewajarnya terhadap aduan-aduan rakyat, walaupun aduan-aduan tersebut dikemukakan melalui akhbar. Dalam hubungan ini, suka dinyatakan bahawa walaupun pada dasarnya tindakan yang diambil berbangkit dari laporan akhbar itu telah selesai, tetapi mungkin ada pihak-pihak yang tidak terlibat tidak mengetahui bahawa perkara tersebut telahpun diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator-senator Kenneth Kanyan, Loh Kee Peng dan Dato' Haji Mahmoud Salim telah membangkitkan perkara pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Suka dinyatakan bahawa pembahagian kuasa di antara Persekutuan dan Negeri-negeri adalah mengikut persetujuan yang dicapai di antara mereka dan ini adalah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan menurut Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, kuasa bagi membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam senarai pertama atau senarai bersama adalah dengan Parlimen, manakala kuasa membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam senarai negeri atas senarai bersama adalah dalam tangan Badan Perundangan Negeri. Maka apa-apa kuasa yang dijalankan mengikut kehendak mana-mana undang-undang adalah tertumpu kepada peruntukan di dalam senarai-senarai yang saya sebutkan tadi dan tidaklah boleh dikatakan keterlaluan bagi Kerajaan Persekutuan menjalankan kuasa-kuasanya mengikut undang-undang yang dibuat di bawah peruntukan Perlembagaan yang dipersetujui di antara Persekutuan dan Negeri-negeri.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang dasar pandang ke Timur di mana telah disyorkan supaya dalam melaksanakan polisi ini Kerajaan harus juga memandangkan ke Timur Tengah. Suka dinyatakan bahawa persoalan ini tidak berbangkit, kerana sebelum Kerajaan melaksanakan dasar pandang ke Timur Tengah ini perhubungan yang rapat telah sedia wujud di antara negara kita dengan negara Timur Tengah.

Misalnya dalam bidang akademi, Kerajaan telah menghantar ramai penuntut dengan biasiswa ke negara-negara Timur Tengah, seperti Mesir, Iraq dan Turki. Jabatan Perkhidmatan Awam sememangnya telah menghantar penuntut-penuntut ke negara-negara tersebut semenjak awal tahun 70an lagi. Bagi negara Mesir dari tahun 1971 hingga tahun 1980 Jabatan Perkhidmatan

Awam telah menghantar sejumlah 238 penuntut yang menuntut sebahagian besarnya dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di samping mengambil pengajian Islam di Mesir. Seramai 32 penuntut telah dihantar ke Iraq bagi menuntut dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dari tahun 1974 hingga tahun 1980. Seramai 3 orang telah dihantar ke Turki bagi tahun 1980 dan 1981 bagi mengambil jurusan perubatan dan ekonomi. Oleh itu sebenarnya perhubungan dan perhatian kita kepada negara-negara Timur Tengah dalam bidang pelajaran semuanya telah sedia wujud.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kenneth Kyanan telah menyentuh tentang pembayaran royalti minyak bagi negeri Sarawak. Di dalam hubungan ini suka dinyatakan bahawa salah satu daripada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan yang penting ialah untuk membahagikan hasil negara dengan adil supaya masalah ketidakseimbangan antara negeri-negeri, kawasan-kawasan dan kumpulan masyarakat tidak berlaku. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab untuk menentukan supaya faedah-faedah dari hasil pengeluaran minyak dan gas samalah seperti hasil dari pengeluaran getah, kelapa sawit dan bijih timah dapat dinikmati bukan sahaja oleh beberapa negeri tertentu malah oleh kesemua penduduk di Malaysia. Sudah sewajarnya semua negeri turut dapat merasai sedikit sebanyak faedah dari pengeluaran minyak dan gas negara. Berdasarkan kepada sikap dan dasar inilah maka Kerajaan Persekutuan telah membuat pertimbangan yang penuh teliti mengenai kadar pembayaran royalti dari hasil pengeluaran minyak yang harus dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Trengganu.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain telah mengesyorkan supaya aktiviti carigali adalah diperluaskan kepada seluruh negeri di Malaysia. Dalam hubungan ini suka dinyatakan bahawa kajian penilaian geologi di kawasan-kawasan utara Malaysia dan di kawasan Selat Melaka telah dibuat oleh pihak

Syarikat Minyak Mobile dalam tahun 1968 sampai 1974 telah membuat kajian dan seterusnya menjalankan usaha mencarigali. Pada permulaannya secara usaha persendirian dan kemudian secara usahasama dengan Syarikat Tai Jin Malaysian Exploration. Daripada kajian-kajian yang dibuat sehingga ini kawasan-kawasan itu didapati kurang potensi mengeluarkan minyak.

Yang Berhormat Senator tersebut juga telah meminta Kerajaan mengkaji semula sistem pengumuman keputusan pilihanraya di Sabah dan di Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Beliau telah menyatakan bahawa masa yang tak sama, iaitu pengumuman keputusan pilihanraya di Semenanjung akan mempengaruhi keputusan pilihanraya di Sabah dan di Sarawak. Bagi menjawabnya, suka dinyatakan bahawa soal sama ada keputusan-keputusan pilihanraya Semenanjung Malaysia boleh mempengaruhi keputusan pilihanraya di Sabah dan Sarawak sekiranya keputusan-keputusan itu di kedua-dua buah negeri itu tidak diumumkan serentak adalah satu perkara yang boleh menimbulkan berbagai tanggapan, ia hanya merupakan ramalan-ramalan politik yang tidak boleh dibuktikan dengan nyata. Sememangnya menjadi satu perkara yang ideal sekiranya keputusan-keputusan pilihanraya dapat diumumkan pada hari yang sama akan tetapi maksud ini sukar hendak dicapai selagi wujud keadaan bila mana pengundian masih terpaksa dijalankan secara berperingkat-peringkat di Sabah dan di Sarawak disebabkan faktor-faktor geografi di kedua-dua buah negeri itu. Sekiranya pengundian diadakan jauh lebih awal dari Semenanjung Malaysia, ianya akan menimbulkan kesukaran dari segi undang-undang pilihanraya di samping ianya menimbulkan tanggapan-tanggapan negatif dari sudut kaca mata politik. Oleh yang demikian, Suruhanjaya Pilihanraya tidak akan mengadakan satu peraturan yang tetap mengenai pengumuman keputusan pilihanraya di Sabah dan Sarawak sehingga masalah pengundian berperingkat-peringkat selama 5 hari yang ada sekarang tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengambil perhatian yang berat bagi meninggikan lagi syiar Islam. Yang Berhormat Dato' Haji Othman Abdullah khususnya telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan ugama Islam. Beliau telah menimbulkan persoalan bagaimanakah dapat diserapkan unsur Islam dalam masyarakat majmuk negara ini. Suka dinyatakan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa masyarakat di negara ini adalah masyarakat majmuk, walaupun begitu ini tidaklah menghalang hasrat kita untuk menyerapkan unsur-unsur Islam di mana yang difikirkan menasabah dan sesuai. Untuk menyerapkan unsur-unsur Islam di kalangan masyarakat di negara ini Kerajaan melaksanakannya melalui proses menimbulkan kesedaran tentang nilai-nilai Islam yang harus dijadikan pegangan dalam amalan dan kehidupan seharian. Penubuhan Badan Perunding Islam adalah sebagai langkah menuju ke arah matlamat tersebut. Badan tersebut adalah berfungsi sebagai badan penasihat kepada Kerajaan mengenai cara-cara bagaimana unsur-unsur Islam boleh dijadikan asas dan pegangan dalam usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran negara. Beberapa projek dan program bagi mencapai matlamat penyerapan unsur-unsur Islam ini telah dan akan dijalankan. Antaranya, ialah penubuhan institusi-institusi di bidang ekonomi seperti Bank Islam dan insurans secara Islam, Maktab Perguruan Islam, Kursus Tamaddun Islam di institusi-institusi pengajian tinggi dan Universiti Islam Antarabangsa. Di samping usaha-usaha tersebut, pertemuan yang berterusan di antara pemimpin dan ulama dalam negeri dan peringkat antarabangsa sentiasa diadakan untuk merumuskan langkah-langkah yang dianggap bijaksana, sesuai dengan iklim serta kenyataan politik tempatan dan reality masyarakat majmuk di Malaysia.

Mengenai istilah "ulama" dan "umarah" yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tersebut, suka dinyatakan bahawa semenjak dahulu lagi perkataan "ulama" dan "umarah" telah biasa digunakan di dalam pertuturan seharian oleh masyarakat di negara ini, tetapi belum pernah ada takrifan

yang menyeluruh mengenainya dibuat oleh mana-mana pihak berkenaan. Walau bagaimanapun, istilah "ulama" adalah membawa erti golongan orang-orang alim yang berpelajaran dan berpengetahuan dan berpandangan luas di bidang ugama Islam. Mereka itu berkebolehan dan berkepakaran untuk menerangkan dan menjelaskan di segi hukum-hukum di dalam Islam. Istilah "umarah" pula membawa erti golongan orang-orang yang melaksanakan hukum, yakni orang-orang yang termasuk dalam golongan yang memegang kuasa dan tampok pemerintahan sesebuah negara.

Mengenai kepastian terhadap negara Islam dan mazhab yang seharusnya diterima oleh masyarakat negara ini seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tersebut adalah dinyatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai sikap yang berbeza terhadap negara-negara Islam, baik dari segi apa juga fahaman dan mazhab yang diikutinya. Ini adalah disebabkan bahawa prinsip dalam Islam adalah sama. Sikap kita terhadap negara-negara Islam yang lain adalah bertujuan untuk menjalin perhubungan dan fahaman yang baik dan rapat antara satu sama lain melalui kerjasama di bidang ekonomi, pembangunan, sosial dan pelajaran.

Di samping itu suka saya menyatakan bahawa oleh kerana prinsip-prinsip dalam Islam amat nyata dan jelas sekali maka kita berpendapat tidak ada perbezaan di antara ulamak dan umarak Islam baik dari golongan Syiah ataupun dari golongan Ahli Sunnah Waljamaah kerana umumnya ulamak dalam Islam adalah sama sahaja.

Mengenai syor Yang Berhormat Senator tersebut supaya ulamak-ulamak kita mengadakan perbincangan muktamar bagi membincangkan perkara-perkara semasa yang berkaitan dengan ugama Islam dalam negara ini, suka dinyatakan bahawa sebenarnya usaha-usaha seumpama ini sudahpun dijalankan. Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, dari semasa ke semasa ada menganjurkan muzakarah ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa. Selain dari itu

perjumpaan para alim ulamak seperti seminar ulamak yang telah diadakan baru-baru ini telah diusahakan. Kegiatan-kegiatan seumpama ini akan terus diadakan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim telah meminta supaya satu undang-undang yang tegas diadakan bagi mengatasi masalah perpecahan umat Islam. Kerajaan memang menyedari hal ini dan bagi mengatasi hal ini satu Rang Undang-undang bernama Akta Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan), 1982 akan dibahaskan di Dewan yang mulia ini tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri jawapan saya ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan dan teguran-teguran membina ke arah memberikan pencapaian kita dalam usaha membangunkan negara kita. Adalah dibanggakan bahawa Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mendapat sambutan yang sungguh-sungguh baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan masa yang diperuntukkan selama 3 hari itu telah dipergunakan dengan sepenuh minat. Hasil pemikiran Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan di dalam tempoh perbahasan ini akan diberikan perhatian oleh Kerajaan, insya Allah, dan yang mana sesuai mungkin dapat dipertimbangkan di dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah rakyat. Semoga hasrat kita untuk membentuk

sebuah negara yang gemilang, bermaruah dan yang dihormati oleh dunia akan menjadi kenyataan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Keenam.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 petang.